



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 30

RABU 23HB JULAI, 1980.

رابو 10 رمضان 1400

PERCHUMA

LAWATAN AHLI2 MMN KA-RUMAH SAKIT UMOM

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Sa-rombongan
lapan orang Ahli2 Majlis
Mashuarat Negeri Brunei
telah mengadakan lawatan
sengkat ka-Rumah Sakit
Umom di-ibu negeri pada
hari Khamis 17hb Julai
yang lalu.

Rombongan tersebut te-
lah di-ketuai oleh Dato
Paduka Awang Judin bin
Asar, Jurutulis Majlis Ma-
shuarat Negeri Brunei.

Ahli2 MMN yang ikut
serta dalam rombongan
itu terdiri dari YB Pehin
Orang Kaya Seri Dewa
Leftenan Kolonel Dato
Seri Pahlawan Moham-
mad bin Haji Daud; YB
Pehin Orang Kaya Kesu-
ma Awang Haji Ali bin
Ismail; YB Pehin Datu
Laila Raja Awang Haji
Abu Bakar bin Baha; YB
Orang Kaya Pekerma De-
wa Dato Seri Laila Jasa
Awang Lukan bin Uking;
YB Pehin Datu Singamen-
teri Awang Arif bin Mu-
jun; YB Awang Haji Abd
Latif bin Abd Hamid; YB
Malai Haji Mashore bin
Malai Haji Damit dan
YB Awang Chong Seng
Tob.

Ketibaan mereka di-
Rumah Sakit Umom itu
telah di-sambut oleh Pe-
ngarah Perkhidmatan2 Pe-
rubatan dan Kesihatan,
YB Pehin Dato Doktor
P.I. Franks dan timbalan-
nya, YB Dato Doktor Hj
Johar bin Dato Paduka
Haji Noordin serta lain2
pegawai kanan jabatan
tersebut.

Oleh
JAAFAR IBRAHIM

Pehin Dato Franks ke-
mudian-nya memberikan
taklimat yang ringkas ka-
pada rombongan itu me-
ngenai dengan latar belan-
gang perkembangan dan
kemajuan yang telah di-
chapai oleh jabatan itu
bertempat di-Bilik Persi-
dangan Kelinik Dada.

Di-mana dalam takli-
mat-nya, YB Pehin Dato
Dr. Franks menjelaskan
bahawa Rumah Sakit di-
ibu negeri itu telah mula
di-bena pada tahun 1951
dengan hanya di-kendali-
kan oleh kaki-tangan dan
pegawai2 perubatan dari
luar negeri dengan jumlah
yang minoriti.

Walau bagaimana pun
kata-nya lagi, buat masa
sekarang ini kekurangan
jumlah tersebut telah pun
dapat di-isikan sedikit de-
mi sedikit oleh anak2 tem-
patan yang mempunyai
kelulusan2 dalam bidang
perubatan dari luar negeri.

Sa-lepas mendengarkan
taklimat mereka ke-
mudian-nya di-bawa menin-
jau ka-beberapa bahagian
hospital itu antara-nya ter-
masuk-lah tinjauan mere-
ka ka-bilik2 makmal kaji
penyakit (Bacteriology),
kelinik mata, bilik peme-
bahan serta lain2 bahagi-
an hospital itu.

Tujuan lawatan mereka itu
ada-lah semata-mata untuk
melihat perkembangan2 dan
kemajuan2 yang telah di-cha-
pai oleh Jabatan Perubatan

dan Kesihatan dengan chara
dekat ia-itu dengan menin-
jau alat2 kelengkapan yang sedia
ada di-tempat itu.

Di-mana rombongan Ahli2
MMN telah mendapati alat2
perubatan yang di-gunakan
di-Rumah Sakit Umom itu
sangat-lah memuaskan dan
menchukopi pada memenohi
kehendak2 orang ramai.

Oleh itu ada-lah di-harap-
kan dengan ada-nya alat2 pe-
rubatan yang moden serta
sofistikated yang di-sediakan
oleh Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Dipertuan Negeri Brunei itu
akan dapat lagi meluaskan
perubatan yang umom dgn
sistemitik (menemui kehen-
dak2 orang ramai) serta Pe-
gawai2 kerajaan.



AHLI2 Yang Berhormat mendengar penerangan Dato Dr Joshi mengenai alat2 yang di-
gunakan di-Klinik Mata, salah satu bahagian yang di-lawati oleh Ahli2 Yang Berhormat itu.

Ketetapan bayaran zakat fitrah

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Majlis Ugama
Islam Negeri Brunei telah
menetapkan kadar bayar-
an zakat fitrah yang patut
di-bayar oleh Umat Islam
di-negeri ini bagi tahun
Hijrah 1400 bersamaan
dengan tahun masehi 1980.

Yang Dipertua Majlis
Ugama Islam Negeri Bru-
nei, Y.B. Pehin Orang Ka-
ya Ratna Diraja Dato
Seri Utama Awang Haji
Mohd Zain bin Haji Seru-
din dalam Surat Keliling
MUIB yang di-keluarkan
baru2 ini menyatakan ba-
hawa kadar bayaran zakat
fitrah yang patut di-bayar
bagi sa-orang umat Islam
ia-lah \$1.87½ bagi orang2
yang tinggal di-Daerah
Brunei; \$1.90½ bagi orang2
yang tinggal di-kawasan
Muara dan Daerah Tu-
tong dan \$1.93½ bagi
orang2 yang tinggal di-
kawasan Seria, Belait dan
Daerah Temburong.

Menurut Y.B. Pehin
Orang Kaya Ratna Di-
raja, kadar zakat fitrah
itu ada-lah mengikut nilai
an harga beras bagi 3 kati
12 tahlil ia-itu kadar tim-
bangan beras yang wajib
di-fitrahkan.

Yang Dipertua Majlis
Ugama Islam itu menyata-
kan bahawa menurut Ma-
zhab Shafiee, zakat fitrah
hanya sah di-keluarkan
daripada makanan yang
biasa di-makan pada sa-

sebuah negeri itu.

“Oleh kerana makanan
yang biasa di-makan di-
negeri ini ia-lah beras,
maka zakat fitrah ada-lah
sah di-keluarkan dengan
beras. Anggaran zakat fit-
rah menurut timbangan di-
negeri ini ia-lah 3 kati 12
tahlil bagi tiap2 sa-orang
Islam.”

Dalam pada itu menurut
Mazhab Hanafi bahawa
ada-lah sah mengeluarkan
zakat fitrah dengan nilai
mata wang.

Oleh kerana harga beras
yang biasa di-makan di-
negeri ini di-tetapkan oleh
Kerajaan dengan harga
\$3.00 sa-gantang bagi Da-
erah Brunei; \$3.05 sa-gan-
tang di-Daerah Tutong
dan Muara dan \$3.10 sa-
gantang di-Daerah2 Belait
dan Temburong, maka ni-
laian harga bagi 3 kati 12
tahlil di-Daerah Brunei ia-
lah \$1.87½; Tutong dan
Muara \$1.90½ dan Belait
dan Temburong \$1.93½.

Y.B. Pehin Orang Kaya
Ratna Diraja Dato Seri Utama
Awang Haji Mohd Zain me-
nyatakan bahawa tiap2 umat
Islam di-negeri ini boleh
mengeluarkan zakat fitrah samada
dengan mengeluarkan beras
sa-banyak 3 kati 12 tahlil atau
boleh bertaklid Mazhab Ha-
nafi dengan mengeluarkan ni-
lai harga beras 3 kati 12
tahlil.

Kata-nya orang Islam ada-
lah di-ingatkan bahawa zakat
fitrah wajib di-bayar mulai
malam hari raya hingga Imam
mendirikan sembahyang hari
raya.

Dalam pada itu, tambah
Yang Berhormat, ada-lah ha-
rus zakat fitrah itu di-keluar-
kan sa-belum waktu tersebut
ia-itu dari awal Ramadhan.

Sementara itu Majlis Uga-
ma Islam Negeri Brunei de-
ngan perkenan Kebawah
DYMM Paduka Seri Baginda
Sultan Yang Dipertuan Ne-
geri Brunei telah melantek sa-
ramai 145 orang Amil di-selu-
roh negeri untuk di-tugaskan
mengutip bayaran zakat fit-
rah bagi tahun ini.

Nama2 Amil dan tempat2
membayar zakat fitrah bagi
tahun ini di-siarkan di-muka
6, 9 and 10.

Manis-nya Iman

DARI ANAS (r.a.) be-
liau mengatakan: sa-
tiap kali Rasulullah s.a.w.
selesai sembahyang fardhu
dengan kami Baginda ber-
do'a: “Ya Allah! Aku
berlindung kepada Mu
daripada segala amalan
yang kelak mendukachita-
kan ku; aku berlindung
kepada Mu daripada tem-
man yang kelak menyaki-
ti ku; aku berlindung ka-
pada Mu daripada kepa-
saan yang kelak men-
siasikan ku; dan aku
berlindung kepada Mu
daripada kekayaan yang
kelak menjadikan ku me-
lampau batas.”—HADI-
TH Nabi riwayat Al-
Bazzar.

EXPO PERTANIAN 1980

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.**—Jabatan Pertanian
Brunei akan menganjor-
kan Expo Pertanian 1980
pada hari Ahad, 31hb
Ogos, 1980. Expo yang
berthema BERTANI KA-
ARAH MENJAMIN KE-
HIDUPAN itu akan di-
adakan di-Steshen Pertani-
an Kilanas, Batu 10, Jalan
Tutong dan di-jangka akan
di-rasmikan oleh Y.A.M.
Pengiran Jaya Negara Pe-
ngiran Haji Abu Bakar bin
Pengiran Umar.

Saperti hal-nya dengan
pertunjukan2 pertanian sa-
belum-nya, Expo Pertani-
an 1980 akan merupa-
kan satu majlis perjumpa-
an sosial bagi pehak2 yang
terlibat dan berkerjasama
dalam memajukan perusa-

haan2 pertanian di-negeri
ini, ia-itu para peladang
serta pegawai2 dan kaki-
tangan Jabatan Pertanian
dan Sharikat2 perniagaan.

Di-samping ini juga Expo
Pertanian 1980, melalui pame-
ran2 bahagian2 Jabatan Per-
tanian dan Sharikat2 pernia-
gaan akan memperlihatkan
kapada para peladang per-
anian2 yang di-mainkan oleh
pehak masing2 dalam membant-
u para peladang memajukan
lagi perusahaan2 ladang mere-
ka demi meningkatkan lagi
taraf perekonomian dan ke-
hidupan mereka.

Saperti di-pertunjukan2 per-
tanian, Expo Pertanian 1980
juga memberi peluang kapada
para peladang untuk memper-
tandingan kemahiran dan ke-
cekapan mereka dalam men-
ternak dan berchuchok tanam
demam untuk merebut hadiah2
istimewa yang terdiri dari
wang tunai serta alat2 dan ba-
han2 ladang.

Bantuan kapada mualaf

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Majlis Ugama
Islam Negeri Brunei de-
ngan perkenan Kebawah
DYMM Paduka Seri Ba-
ginda Sultan dan Yang
Dipertuan Negeri Brunei
telah memberikan ban-
tuan wang sa-jumlah
\$12,000.00 kapada enam
orang mualaf bagi perbe-
lanjau sa-masa menunai-
kan fardhu haji tahun ini.
Tiap2 sa-orang akan me-
nerima \$2,000.00 yang di-
ambil daripada peruntok-
an wang zakat fitrah.

Bantuan tersebut telah
di-sampaikan kapada pe-
nerima2 itu oleh Pemang-
ku Timbalan Pengetua
Pegawai Hal Ehwal Uga-
ma, Awang Haji Abdul
Saman Kahar pada ming-
gu lalu.

Penerima2 bantuan itu
ia-lah Dayang Rogayah
bte Abdullah, Kopral Awg
Ariffin bin Abdullah, Da-
yang Haslina bte Abdullah,
Awg Mohammad Zain bin
Abdullah, Dayang Rosni
bte Abdullah dan Dayang
Norlela bte Abdullah.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

23HB JULAI, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

MASAALAH HARGA BARANG DI-BULAN PUASA

MAKA pada sa-tiap tahun apabila saja tiba bulan Puasa, masalah harga2 barang keperluan harian timbul semula seperti juga timbulnya bulan Puasa. Dari segi peribadatan, maka bulan Puasa ada-lah merupakan bulan yang sa-baik2nya bagi Umat Islam beribadat sa-banyak mungkin dan ia merupakan bulan rahmat yang sangat di-alu2kan oleh orang2 Islam dan juga ia merupakan bulan yang istimewa. Keistimewaan-nya yang paling ketara ia-lah dalam soal kehidupan harian masyarakat Islam yang jelas menunjukkan kepatohan2 mereka dalam melaksanakan ibadah berpuasa. Satu perkara lagi yang amat ketara ia-lah soal melayan kehendak keperluan2 berbuka puasa dalam mana perbelanjaan2 bagi sa-seorang atau satu2 keluarga dengan tidak di-sedari telah meningkat walau pun ada keinginan2 mereka untuk berjimat. Bagaimana pun, kita yakin bahawa berkat ada-nya kesedaran2 untuk berjimat dan menyedari hakikat berpuasa yang sa-benar-nya itu, maka ramai di-antara kita telah berjaya mengekang runtunan kehendak2 berbuka puasa itu dan kesedaran2 ini telah berjaya menstabilkan peruntukan perbelanjaan bagi satu2 keluarga itu dengan terelak-nya dari terlanjur membeli barang2 yang tidak begitu penting untuk berbuka puasa. Kesedaran untuk berjimat sa-jimat yang mungkin itu serba mungkin juga di-sebabkan oleh harga2 barang keperluan harian sekarang ini yang nampak-nya tidak berkemungkinan akan turun bahkan akan terus naik, malah ada yang melambong tinggi.

Di-sedari bahawa harga2 barang terutama-nya keperluan2 harian telah semakin meningkat naik sejak inflasi melanda dunia dan kita di-negara kita ini tidak terkecuali dari mengalami akibat2 dari kenaikan2 itu dalam mana harga2 barang di-Brunei dengan sendirinya juga turut terlibat naik. Kenaikan ini tidak dapat di-elakkan terutama-nya bila kita memikirkan yang keperluan2 negara termasuk barang2 makan ada-lah hampir keseluruhan-nya di-datangkan dari luar. Akibat dari ini juga, ada-lah satu perkara yang rumit untuk mengelakkan kenaikan2 itu. Bila kerumitan2 ini di-sedari, maka pada satu waktu dulu, pehak peniaga2 tidak terkecuali dari mengambil kesempatan2 yang berlebehan. Tetapi tindakan mereka ini tidak berpanjangan, kerana apabila saja terbukti yang mereka itu benar2 menjalankan kegiatan2 tersebut, maka langkah2 telah diambil dan akibat-nya berlaku-lah beberapa penggantungan lesen berniaga terhadap sa-tengah2 kedai yang di-dapati bersalah melakukan perbuatan2 tersebut. Sa-iring dengan itu, peratoran2 yang berkaitan telah di-perkuatkan lagi yang tujuan-nya sa-mata2 bagi mengelakkan perbuatan2 yang sa-demikian itu dari berulang semula. Dan kita bersyukur atas inisiatif arah ini yang sa-hingga hari ini telah berjaya mengekang dari berulang-nya perbuatan2 seperti itu. Dan kita hari ini tidak merasakan kebimbangan ada-nya perlakuan2 sa-wenang2 dari peniaga2 untuk menaikkan harga2 barang dengan sa-suka hati kerana butir2 harga itu senantiasa dalam pemerhatian pehak yang berkuasa yang terus-menerus menjalankan penyelidikan2 terutama-nya di-sepanjang bulan Puasa dan menjelang perayaan Hari Raya. Keyakinan kita untuk mengekang perbuatan2 menaikkan harga barang dengan sa-suka hati itu akan lebeh berjaya lagi dengan ada-nya kesediaan2 pehak pengguna atau pembeli2 untuk terus melaporkan jika mereka mendapati harga2 barang yang meragukan apa lagi terbukti yang kenaikan2 itu di-lakukan dengan sa-suka hati.

Mengenai dengan kedudukan harga2 barang itu di-bulan Puasa ini, pehak berkenaan mengambil berat dan melipat-gandakan usaha supaya bulan Puasa tidak akan di-pergunakan sa-bagai satu kesempatan yang sa-baik2nya untuk mengambil keuntungan yang berlebehan dari yang sa-patut-nya di-lakukan. Kita di-fahamkan bahawa sa-jauh ini tidak ada laporan2 diterima tentang ada-nya perbuatan2 menaikkan harga barang dengan sa-suka hati itu. Keadaan tetap berjalan seperti biasa.

DALAM bulan puasa ini masing2 orang kita dengan pembawaan-nya. Ada yang letih lesu, serba salah dan kelihatan kaku.

Ada pula yang segar bugar macham selalu!

Sukar di-tentukan apa-kah yang letih itu kerana memang berpuasa atau kerana chuma di-musim-nya. Saperti itu sukar-nya menentukan apa-kah yang segar bugar itu betul2 kerana tidak berpuasa.

Sangka2 saja tentu tak baik. Berdosa.

Tapi bukan pula tidak ada kejadian: yang letih kelihatan lesu itu chuma di-hadapan sa-sama kita. Sa-balek-nya di-hadapan orang lain dari orang kita ada yang sampai buat selamba saperti bukan dalam bulan puasa.

Lalu ada di-antara orang lain itu buat komen mengenai orang kita, bukan mengenai puasa kita.

Ada yang benar2 kagum melihat orang kita berpuasa — kagum memuji. Ada pula yang berasa pelek mendapati orang kita segar bugar macham selalu — pelek tidak mengerti.

Ya! Betul-lah berpuasa itu bukan semesti-nya lahip sam-paikan tidak bertenaga. Kalau balahip-lahip hilang-lah tujuan menshi'arkan uga-ma yang memandu kita supaya sentiasa bertenaga.

Dan yang sudah je-

PADA HEMAT SAYA....

dengan

MASING2 PEMBAWAAN

las, dengan berpuasa itu di-harapkan kita bertakwa. Takwa itu bukan dengan gaya balahip-lahip, apalagi dengan gaya merungkui-rungkui.

Tapi tidak-lah pula betul kalau tidak berpuasa itu boleh di-tunjok2 sa-larah2-nya. Menunjok2 tidak berpuasa itu menchemarkan shi'ar ugama nama-nya. Dan itu yang sama sekali tidak kena dengan hari dan bulan-nya!

* * *

ORANG lain dari orang kita yang buat komen itu, sama ada kagum memuji atau pelek tidak mengerti —masing2 dengan alasan-nya.

Maalum saja-lah, mereka itu bermata lalu boleh saja melihat. Dan yang penting mereka itu juga berhati lalu boleh saja merasa.

Kalau mereka memuji memang kerana mereka mendapati betapa setianya orang kita berpuasa: dapat menahan lapar dahaga bahkan dapat menahan perangai biasa. Bukan senang berlajar berhaus sa-lama lebeh 12 jam. Dan bukan mudah pula berperangai luar dari biasa sa-lama berhari2 sampai sa-bulan. Apa itu tidak mengagumkan?

Kalau mereka berasa pelek memang mungkin

kerana mereka tidak mengerti betapa dalam he-ning suasana bulan puasa, dalam dingin—panas suhu musim-nya ada orang kita saperti bukan dia kelihat-an-nya. Dalam fikiran mereka, orang kita yang sa-demikian itu bukan tidak sanggup berlajar dahaga, sebab apa beza-nya dengan kebanyakan orang. Mungkin chuma berlajar dahaga itu tidak memberi maana lain sa-lain letih longlai.

Ah! Buat apa-lah berletih longlai sementara masih ada 'kan di-tegok atau di-telan. Apa lagi hendak berperangai di-luar dari biasa, tentu tambah kaku lagi hipokerit saja jadi-nya!

Jadi, antara yang dilihat mengagumkan dan memelekkan itu mana satu gambaran yang lebeh benar mengenai diri kita — orang kita di-mata orang lain?

Ah! (maafkan sekali lagi, sa-kadar mengeloh sa-benar-nya). Apa-lah di-hiraukan sangat. Orang lain itu bukan tidak faham betapa kita — orang kita di-zaman ini atau di-dunia sebelah sini bukan saperti orang kita di-zaman dahulu atau di-dunia sebelah nun di-sana. Ya! Masalah sama . . . lain pandang lain pula belalang-nya.

Apa betul begitu?

Apa benar-kah saperti yang konon-nya sudah dianggap sah oleh orang2 lain itu betapa kita ini liberal dan moderate?

Dan apa betul liberal dan moderate kita itu kha-

bar-nya sampai kepada maana tak apa dan tak apa . . . ?

* * *

TAPI apa pun di-sebut, jadi sebutan jua-lah hendak-nya. Kita bukan tidak faham mana2 yang wajib atau sunnat, mana2 yang halal atau haram atau harus atau makruh masing2 tentu dengan kriteria2-nya, dengan sukat2-nya.

Lalu, mana yang berpuasa — apa-kah dia letih lesu kerana-nya atau masih juga chergas segar — tentu-lah mengikhtikarkan sa-dapat daya untuk menahan diri dari nafsu — perangai biasa. Dan menahan nafsu — perangai sa-demikian tentu pula dengan keperchayaan akan mendapat keredhaan Allah, rahmat dan keampunan-Nya.

Orang yang berkeperchayaan akan mendapat keredhaan, rahmat dan keampunan Allah itu, baik di-mana pun: di-ujung di-pisok-kah; di-atas di-bawah-kah; di-tengah di-siring-kah; di-luar di-dalam-kah; di-depan di-belakang-kah — tentu-lah dengan berbagai2 ragam perangai dan pembawaan.

Maka kalau mahu di-sebut dengan apa brand pun sebut-lah. Nyata-nya bukan apa, chuma perangai dan pembawaan.

Tapi, jangan pula lupa perangai dan pembawaan yang akan di-sebut dengan apa jua brand itu bukan di-bawa dari perut ibu. Orang yang 'arif mengatakan masing2 itu di-pengaruh oleh banyak unsur, dan yang terpenting ia-lah oleh latar belakang pengalaman.

Fikirkan-lah, kalau mam-pu dan kalau juga mungkin, chubalah bentuk latar belakang yang sama seragam bagi semua orang untuk memungkinkannya sama brand yang hendak di-sebut. Bagaimana? —Ketua Pegawai Penerangan.

**“Orang yang berkeperchayaan akan
mendapat keredhaan, rahmat dan
keampunan Allah itu, baik di-mana pun:
di-ujung di-pisok-kah; di-atas di-bawah-
kah; di-tengah di-siring-kah; di-luar di-
dalam-kah; di-depan di-belakang-kah;
— tentu-lah dengan berbagai2 ragam
perangai dan pembawaan”**

LONG LIVE THE SULTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — July 15 was the official 34th birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan.

For celebrations, thanksgiving prayers were held at all the mosques around the country on July 14 night and on July 15 morning.

And a 21-gun salute was fired at the compound of the Lapau here.

In view of the fasting month, all the celebrations will be held in September.

Meanwhile, a volleyball competition will take place later next month to commemorate His Highness' birthday.

The contest, to be held in the Belait District, is divided into 4 sections.

School students are also welcomed to take part.

Entry forms are obtainable from the organising committee in the district and should be returned not later than July 31.

Meantime, a tug-of-war

competition open for public in the Brunei-Muara District will take place at the padang here on September 5.

The contest is organised by the Executive Committee of His Highness the Sultan's Birthday Celebrations in the district.

Entry forms available from the committee members have to be returned before the end of next month.

The students of schools and colleges in the district are also welcome to participate in the game.



YDM Pehin Datu Indera Negara Lt. Kol. Dato Paduka Mohd Ariffin presents a prize to the leader of Sekolah Melayu Sultan Hassan School cadets, the best team for Temburong District.

Shopkeepers advised not to increase prices

BANDAR SERI BEGAWAN. — Moslems throughout the state are preparing for the celebrations of the Hari Raya. Hence, they are now buying more foodstuffs and commodities than usual.

In order to put a brake on the unreasonable inflation, the authorities concerned advise all the shopkeepers all over the country not to take advantage of this fasting month and the coming festive season to increase the prices of foodstuffs and essential commodities unreasonably.

They are also advised to obtain adequate supplies to meet the demand of the festive season.

The Price Controller is sending her officers to conduct the spot-checks to ensure that these items are sold at reasonable prices and that the correct price labels are displayed.

If anyone discovers that the prices are increased beyond reason, he/she should report the matter to the Price Controller, telephone number 25555, Economic Planning Unit, State Secretariat, Bandar Seri Begawan; to the Chairman, Municipal Board here or to the Chairman, Municipal Board, Kuala Belait.

Should the complainants be in Tutong and Temburong, they are requested to make reports to the District Officers respectively.

Whereas the general public are also advised to purchase their essential commodities as early as possible in order to avoid rushing in a few days before Hari Raya Puasa.

MORE POLICE CONSTABLES TO BE RECRUITED

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry into the force as constables.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically fit.

The minimum academic requirement for the entry is Standard six in Malay or English.

The starting salary of a recruit is \$325/ a month plus \$100/ allowance.

On completion of training, basic salary and allowance rise to \$525/.

Successful applicants will undergo a six-month recruit training at the Police Training Centre, Jalan Muara, in early September, 1980.

Those who wish to be candidates are asked to meet the Recruiting Officers on the day, times and places given below:

At Bandar Seri Begawan Police Station here, on Monday, 28th July, and also on Tuesday, 29th July, from 8.00 am to 12.00 noon, and from 2.00 pm to 4.00 pm.

At Tutong Police Station, on Thursday 31st July, from 8.00 am to 12.00 noon.

At Lamunin Police Station,

on Thursday 31st July, from 2.00 pm to 4.00 pm.

At Kuala Belait Police Station, on Saturday 2nd August, from 8.00 am to 12.00 noon.

At Seria Police Station, on Saturday 2nd August, from 2.00 pm to 4.00 pm.

At Bangar Police Station, on Monday 4th August, from 8.00 am to 12.00 noon and from 2.00 pm to 4.00 pm.

And the officers will be at the Bandar Seri Begawan Police Station again on Thursday 5th August, and also on Wednesday 6th August from 8.00 am to 12.00 noon and from 2.00 pm to 4.00 pm.



RBA's Messrs Alan Douglas and J. Kirby are seen here signing the agreement of appointment.

GENERAL SALES AGENTS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Airlines are now the Thai Airways International's general sales agents in Brunei.

The agreement of appoint-

ment was signed last Wednesday at the RBA's office here by RBA's General Manager, Mr Alan Douglas, and Thai International's Manager for Malaysia and Brunei, Mr Suchai.

The appointment has been effective since the beginning of May.

The brief ceremony was witnessed by the Thai's Manager for Brunei and East Malaysia, Mr Frank Liew, and RBA's Commercial Manager, Mr J. Kirby.

Mr Douglas said "We are delighted to accept this appointment. We have been dealing with Thai for some years now and this will set the seal on our co-operation".

Thai International assist Royal Brunei Airlines with the arrangements for RBA Package holidays in Thailand, and also represent RBA as general sales agents in Thailand.

this year, more than 20 miles of new roads have been opened, with several more to be developed very soon.

At Sungai Akar and Lumpang, 2 new roads have been surfaced, and are now in use, while work on a 1½ mile stretch at Kg Mulaut is still underway.

New roads have already been developed at Kg Salam-bigar, Kapok, Kasat, Tanjong Nangka, Kilanas, Masin, Bebatok, Parit and Limau Manis.

More new roads to be opened

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei-Muara District Office is currently undertaking an important task: to open more and more new roads in the rural areas.

The villagers will be greatly benefitted from this development project.

The office is expected to open several miles of new roads in the district.

In the first 6 months of

Additional Telephone lines

BANDAR SERI BEGAWAN. — A new exchange at Mediwa, Mile 4, Jalan Tutong, will soon be completed.

By then, more than 4,000 extra telephone lines will be put into use here.

The construction of the new exchange started late last year. And the new exchange will have the ultimate capacity of 15,000 lines.

If the demand in the area grows, this line will be extended.

The new exchange will serve the subscribers from Miles 4 to 8 along Jalan Tutong.

RBMR drill competition

BOLKIAH CAMP. — The team of the Perdana Wazir English School in Kuala Belait emerged champion in the first annual drill competition for the Royal Brunei Malay Regiment school cadets.

One of the honourable guests watching the contest was the retired lieutenant colonel of the regiment, Pehin Datu Indera Negara Lt Col Dato Paduka Mohd Ariffin bin Haji Abd Wahab, who was also the former commanding officer of the Bolkiah Camp.

The contest was held here on Wednesday and was participated by 4 teams representing 4 districts.

About 113 cadets were judged in foot drill, uniform, command drill and parade.

Besides inspecting the

parade and taking the salute, Pehin Dato Paduka Ariffin also presented the prizes to the winners.

Other guests of honour were the Commanding Officer of the Camp, Lt Col Pehin Datu Hj Abd Aziz bin Abdullah, cadet instructors and members of the regiment.

Tithe for Muslims

BANDAR SERI BEGAWAN. — Moslems will celebrate their Hari Raya in the middle of next month.

However, before the big day comes, they have to pay the annual tithe.

According to the Religious Affairs Department, the tithe for this year has already been fixed.

The residents in the Brunei area are required to pay one dollar and eighty seven and a half cents each.

Those in the Tutong District and Muara area, will have to pay one dollar and ninety and five eight cents each.

And the tithe for the Belait and Temburong Districts, is one dollar and ninety three and three quarts cents for each person.

Moslems throughout the country must pay the tithe to the collectors appointed by the department in each district before Hari Raya.

Agricultural exposition

KILANAS. — An exposition on agriculture will be held at the research station here on August 31.

YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Hj Abu Bakar bin Pg Omar, the Speaker of the Legislative Council, will declare open the event.

The exposition organized by the Agriculture Department will give the public a chance to see for themselves the recent developments in Brunei agriculture.

The theme of the exposition is "Agriculture is Essential to Life".

Legco visit hospital

BANDAR SERI BEGAWAN. — Eight Legislative Councillors visited the General Hospital here last Thursday.

They were met on arrival by the Director of Medical and Health Services, Pehin Dato Dr P.I. Franks and other senior hospital staff.

Prior to their tour, they were briefed by the Director on the historical background of the hospital and other related matters.

Throughout the visit, they were accompanied by the Deputy Director of Medical and Health Services, Dato Dr Hj Johar bin Hj Nordin, and the District Medical Officer, Dato Dr Singh, and were led by the Clerk of Council, Dato Paduka Awang Judin bin Asar.

BERTADARUS DALAM BULAN RAMADHAN

MEMANG telah menjadi kebiasaan bagi kita umat Islam di Brunei mengadakan amal ibadat sa-panjang bulan Ramadhan terutama-mya membacah atau mempelajari bacaan Al-Kor'an. Ini dilakukan sa-chara sendiri2 atau bersama2, baik di masjid2, surau2, balai2 ibadat mau pun di-rumah2 tertentu mithal-nya di-rumah2 orang2 kenamaan yang beragama Islam.

PENGERTIAN TADARUS

Membacah Al-Kor'an sa-chara bersama2 di-namakan "tadarus", erti-nya saling mempelajari atau tunjok menunjoki. Dalam tadarus itu biasa-nya ada satu atau dua orang yang sudah tahu dan mahir membacah Al-Kor'an untuk membacah ayat2 Al-Kor'an itu sehingga selesai tiga puluh juz di-malam2 bulan Ramadhan itu, sementara yang lain-nya membacah Al-Kor'an itu sa-chara bergilir2. Kita dapati orang2 yang membacah Al-Kor'an sa-chara bergilir2 ini masih banyak terdapat kesalahan2 dalam tajwid, tempat2 berhenti, sebutan huruf2 dan lain2 lagi. Ini memang-lah di-ma'alomi kerana mungkin masih banyak di-antara kita yang hanya membacah Al-Kor'an itu pada masa2 tertentu sahaja terutama pada bulan Ramadhan.

Jadi ada baik-nya orang yang sudah tahu dan mahir membacah Al-Kor'an itu membacah perlahan2 sehingga dengan demikian orang2 yang hadir dapat memperhatikan atau mendengar hati2 atau minta tunjok ajar mengenai makhraj atau berhubung dengan tajwid-nya, di-mana sa-patut-nya yang harus berhenti.

MEMAHIRKAN BACHAAN AL-KOR'AN

Mengadakan tadarus lebeh2 lagi dalam bulan Ramadhan ada-lah merupakan amal ibadat yang patut di-galakkan. Dengan ada-nya tadarus ini boleh meningkatkan pengertian meninggikan mutu bacaan Al-Kor'an sa-seorang dan menambahkan pengetahuan-nya dalam membacah Al-Kor'an. Tadarus juga mendatangkan keuntungan pahala dan dapat mengeratkan perhubungan dan kemesraan di-antara

umat Islam terutama-nya orang2 yang datang bertadarus itu dengan orang2 kenamaan yang mengadakan tadarus di-rumah2 mereka itu.

Jika kita tinjau dari segi agama, bertadarus itu dapat menambahkan pahala dan boleh pula mententeramkan jiwa orang2 yang mengamalkan-nya. Perkara ini ada di-jelaskan dalam sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Imam Muslim yang berbunyi :

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بَيْتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَعَشِيَتْ لَهُمُ الرَّحْمَةُ وَحُفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Erti-nya : "Orang2 yang berkumpul di-rumah2 Allah (masjid2, surau2, balai2 ibadat atau rumah2 yang mengadakan tadarus itu) dan mereka itu membacah Kitab Allah (Al-Kor'an) dan mempelajarinya bersama2, maka kepada mereka akan diturunkan (di-anugerahkan oleh Allah) ketenangan jiwa, di-lempahi rahmat, dikelilingi oleh malaikat, dan di-sebutkan Allah berhubung dengan mereka kepada orang2 yang ada di-sisi-nya."

NILAI2 ROHANIAH

Dari hadith ini dapatlah kita fahamkan bahawa kumpulan2 yang di-adakan untuk membacah ayat2 Al-Kor'an atau bertadarus itu lebeh2 lagi di-bulan Ramadhan ada-lah merupakan ibadah yang mendatangkan pahala dan faedah2 yang mengandungi nilai2 rohaniyah seperti mententeramkan jiwa, di-lempahi rahmat dan di-sertai juga oleh malaikat. Suasana ketika membacah ayat suchi Al-Kor'an sekurang-nya dapat mententeramkan perasaan dan menghilangkan kesibokan yang di-alami dalam kehidupan di-waktu siang.

Dalam pada itu patutlah kita menyedari bahawa membacah Al-Kor'an itu, tidak-lah terbatas waktu-nya pada bulan Ramadhan sahaja, kerana menurut ajaran Islam membacah Al-Kor'an itu patut-lah se-

Oleh

HAJI MD JALI BIN ABDUL LATIF
Pegawai Ugama, JHEU

lalu di-lakukan pada sa-tiap waktu dan kesempatan, sama ada ketika siang mau pun di-waktu malam.

Pengalaman sudah membuktikan bahawa orang2 Islam yang selalu membacah Al-Kor'an itu, selalu di-dapati wajah-nya sa-olah2 berchahaya2, kehidupan-nya bahagia walau pun kekurangan harta benda, jiwa-nya tenteram. Oleh sebab itu sa-baik2-nya sa-tiap mu'min melakukan amalan yang tetap untuk membacah ayat2 Al-Kor'an walau pun hanya beberapa minit sa-tiap hari, asalkan tertib dan berterusan. Um-pama-nya sa-telah selesai sembahyang subuh dan sembahyang Maghrib.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda bahawa rumah tangga yang selalu di-bachakan di-dalam-nya bacaan2 ayat2 suchi Al-Kor'an, akan memancarkan sinar kenekmatan hidup, keberkatan, kebahagiaan, ketenangan dan ketenteraman. Hadith Rasulullah itu berbunyi :

إِنَّ الْبَيْتَ الَّذِي يُقْرَأُ فِيهِ الْقُرْآنُ يَكْتُرُ خَيْرَهُ وَالْبَيْتَ الَّذِي لَا يُقْرَأُ فِيهِ الْقُرْآنُ أَنْ يَقْلُ خَيْرَهُ.

Maksud-nya : Sa-sunggo-nya rumahtangga yang sentiasa di-bachakan di-dalam-nya ayat2 suchi Al-Kor'an akan (menekmati) kebaikan yang banyak. Dan rumahtangga yang di-dalam-nya tidak di-bachakan ayat2 Al-Kor'an, sedikit sahaja (memperolehi) kebaikan".

Memang membacah Al-Kor'an itu mempunyai keutamaan dan kelebihannya kerana ia di-kira amal ibadat yang dapat mendatangkan pahala.

Dalam Al-Kor'an banyak di-jumpai ayat2 yang menjelaskan pahala membacah ayat2 kitab such tersebut. Di-antara-nya firman Allah Ta'ala :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا

رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ

Maksud-nya : "Sa-sunggo-nya orang2 yang membacah Kitab Allah (Al-Kor'an), mendirikan sembahyang dan membelanjakan (pada jalan kebaikan) sa-bahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka, dengan sembunyi2 dan terang2an, mereka itu mengharapkan (mendapatkan) satu perniagaan yang tidak pernah rugi." (Surah fathir, Ayat 29).

MENDAPAT SHAFAT

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang menggalakkan kita kaum muslimin supaya selalu membacah Al-Kor'an, kerana di-akhirat kelak bacaan kita itu sendiri akan memberikan pertolongan atau shafa'at. Sabda Rasulullah s.a.w. itu berbunyi :

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي بِكُمْ الْقِيَامَةَ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

"Bacha-lah Al-Kor'an, kerana sa-sunggo-nya ia akan mendatangi orang yang membacah-nya itu pada hari kiamat sa-bagai pemberi shafa'at (pertolongan)". (Riwayat Muslim).

Membacah Al-Kor'an itu merupakan satu ibadat yang utama sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

أَفْضَلُ عِبَادَةٍ أَمَرْتُ بِتِلَاوَةِ الْقُرْآنِ

Maksud-nya : "Ibadat umatku yang paling utama ia-lah membacah (tilawah) Al-Kor'an."

Membacah Al-Kor'an itu mendatangkan pahala yang besar seperti yang di-tegaskan dalam sa-buah hadith Rasulullah yang di-riwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud r.a. yang menyatakan bahawa tiap2 huruf yang di-bacha (dalam Al-Kor'an) itu menjadi satu pahala yang dapat lagi membuahkan sa-puluh pahala yang serupa. Mem-

bacah "Alif-laammim" umpama-nya tidak di-hitong satu pahala, tetapi tiap2 huruf tersebut, yakni Alif-Lam-Mim sa-tiap satu huruf itu di-hitong satu pahala.

MEMAHAMI KANDONGAN AL-KOR'AN

Membacah Al-Kor'an itu ada dua macham. Pertama membacah ayat2 Al-Kor'an dengan tidak mengetahui maana dan erti-nya; kedua : membacah ayat2 Al-Kor'an dengan memahami dan mengetahui maana dan isi kandongannya. Kedua2 chara itu menjadi ibadat yang mendatangkan pahala. Tetapi membacah chara yang kedua, yakni dengan memahami isi-nya, sudah barang tentu lebeh berfaedah dan memberikan kesan, sebab yang membacah-nya sendiri dapat menghayati nilai2 yang terkandung di-dalam Al-Kor'an itu.

Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang maksud-nya : "Sa-baik2 kamu ia-lah orang yang mempelajari Al-Kor'an dan mengajarkannya."

Abdullah bin Mas'ud telah berkata : "Sa-kira-nya kamu inginkan ilmu pengetahuan maka pelajari-lah Al-Kor'an, kerana sa-sunggo-nya Al-Kor'an itu mengandungi ilmu2 orang2 yang ahli dahulu dan yang akan datang."

Berkata Amru Ibnul 'As : "Barangsiapa membacah Al-Kor'an, maka sa-benar-nya telah berada di-samping-nya darjat kenabian, hanya dia tidak di-turuni wahyu sahaja".

Kesimpulan-nya, dapatlah di-katakan bahawa "bertadarus" yang di-adakan di-sepanjang bulan Ramadhan itu banyak memberi manafa'at kepada kita kaum muslimin sa-bagaimana yang di-terangkan di atas tadi. Oleh yang demikian ada-lah di-galakkan supaya kita sama2 meramaikan dan memeriahkan tempat2 yang mengadakan tadarus itu dengan niat yang ikhlas bagi mendapat berkat dan keredhaan Allah s.w.t.

WALLAHU A'ALAM.

DARIPADA Abi Hurairah r.a. kata-nya: telah bersabda Rasulullah s.a.w. yang tujuan-nya seperti berikut: "Siapa-kah yang akan mengambil daripada aku beberapa perkataan lalu beramal dengan-nya atau memberitahu siapa yang akan mengamalkan-nya? Saya menjawab: saya wahai Rasulullah, lalu Baginda memegang tangan saya dan mengira lima. Sa-terus-nya Baginda bersabda: "Jauhkan-lah oleh kamu larangan2 neschaya kamu akan menjadi manusia yang paling beribadat. Dan rela-lah apa yang Allah kormiakan bahagian kapada kamu neschaya kamu akan menjadi orang yang paling kaya. Dan berbuat baik-lah kapada jiran tetangga neschaya jadi-lah kamu sa-orang yang benar2 beriman. Dan kaseh-lah kamu kapada orang lain seperti kamu kasehkan diri kamu sendiri neschaya jadi-lah kamu dengan-nya orang Islam yang sa-benar2-nya. Dan jangan-lah banyak ketawa, sa-sunguh-nya banyak ketawa itu mematikan hati".

Meskipun hadits tersebut di-tujukan kapada Abi Hurairah r.a. tetapi tujuan-nya ia-lah untuk sekalian umat Islam, dimana di-dalam-nya Rasulullah s.a.w. menyuruh kita mengamalkan perkara2 yang berikut:

Pertama: menjauhi larangan2 Allah seperti larangan jangan menchuri, jangan berkhawat, jangan berzina, jangan minum arak, jangan membuat fitnah dan sa-bagai-nya, atau larangan seperti jangan meninggalkan sembahyang, jangan meninggalkan puasa dan sa-bagai-nya yang bererti hendaklah di-kerjakan sembahyang dan puasa itu. Maka belum-lah sempurna ibadah sa-seorang manakala tidak berhenti daripada melakukan larangan2 dan tegahan2 samada perbuatan atau perkataan atau pun niat.

Yang Kedua: Rela hati dengan apa yang di-kormiakan Allah dengan erti kata tidak keloh kesah serta tidak di-kuasai oleh perasaan tamak dan tiada puas hati. Kita di-kehendaki lapang dada dengan hasil2 usaha dan ikhtiar kita serta penoh perchaya dan yakin bahawa segala sa-suatunya itu samada kejayaan atau kegagalan, banyak atau sedikit adalah sukatan takdir Allah belaka.

Kita chuma sa-takat berusaha dan berikhtiar mengikut daya dan tenaga yang ada pada kita setelah itu maka terserahlah kapada kehendak Allah, segala kemajuan atau kegagalan bukan-lah hak mutlak di-tangan kita. Itu bukan-lah bererti rela dengan apa yang di-kormiakan Allah itu, kita duduk goyang kaki tanpa

Untuk jadi manusia yang paling beribadat: JAUHKAN LARANGAN2

melakukan usaha dan ikhtiar.

Yang ketiga: orang yang paling kaya ia-lah orang yang tidak berharap kapada siapa2 kecuali kapada Allah sahaja. Salagi maseh berharap kapada orang lain sa-kali-pun pada lahir-nya mempunyai banyak harta belum-lah lagi di-anggap sa-benar2 kaya, mengikut sa-buah hadits lain menegaskan bukan-lah kekayaan itu dengan sebab banyak harta sahaja tetapi kekayaan yang sa-benar-nya ia-lah kaya jiwa, kaya iman dan semangat.

Yang keempat: berbuat baik kapada jiran tetangga dengan chara tidak menyakiti mereka samada dengan kata2 atau perbuatan dan sa-bagai-nya. Bersedia memberi pertolongan dan bersimpati di-masa kesusahan dan kechemasan. Melawat dan menziarahi mereka di-masa2 yang munasabah bagi mengeratkan perhubungan dan bagi menjauhkan persengketaan. Orang2 yang menjaga hak2 jiran itu menunjukkan kesempurnaan iman.

Yang kelima: mengasehi orang lain seperti mengasehi diri sendiri dengan erti kata hendaklah kita berperasaan berbaik-baik dan persaudaraan yang mendalam terhadap sa-sama Islam. Mengasehi orang lain seperti mengasehi diri sendiri itu menunjukkan tidak mahu melakukan inaya dan zalim sa-bagaimana tidak suka-nya sa-seorang itu

menyakiti diri-nya sendiri.

Yang ke-enam: jangan banyak ketawa dengan erti kata jangan banyak lalai daripada mengingati Allah. Gelak ketawa itu ada-lah tanda kelalaian yang bererti manakala banyak ketawa pada masa itu akan terlupa atau terlalai pada perkara lain, ketawa yang membawa kelalaian itu-lah yang ditengah, tetapi ketawa pada tempat2 yang munasabah tidak-lah di-larang. Ditengah jangan banyak ketawa bererti jangan banyak lalai daripada mengingati Allah. Orang yang lalai itu selalu-nya mengasehi banyak masa lapang-nya di-tempat2 hiburan yang penoh dengan gelak ketawa sa-hingga melupakan-nya apa2 yang di-sekeliling-nya hatta kapada diri-nya dan tuhan-nya yang demikian dengan sendirinya menjauhkan diri daripada Allah, itu-lah yang di-katakan mematikan hati.



AWANG Mohd Sofian ketika melafadzkan ikrar.



Mari-lah kita mengambil pengajaran daripada tujuan2 hadits tadi serta beramal dengan kehendak2-nya. Mudah-mudahan dengan demikian kita menjadi orang yang benar2 sempurna iman.

KINI bulan Ramadhan menjelang lagi, bila di-sebut saja bulan Ramadhan kita semua maklom ia-nya ada-lah bulan Puasa, bulan yang di-hormati dan penoh berkat di-sisi Ugama Islam. Lantas kemuncholan-nya kita sambut dengan iman dan takwa kapada Allah s.w.t. bagi mensuchikan rohani dan jasmani untuk mendekatkan diri kapada-Nya dengan mengerjakan ibadah puasa.

Menurut Imam ibnul-Qayyum, maksud puasa itu ia-lah meninggalkan keinginan hawa nafsu kerana sebab2 menghintai Tuhan dan mengharap keredhaan-Nya. Ini-lah dia rahsia perhubungan batin antara manusia dengan Tuhan-nya atau an-

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb Julai, 1980 hingga ka-hari Selasa 29hb Julai, 1980 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23hb Julai	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
24hb Julai	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
25hb Julai	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
26hb Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
27hb Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
28hb Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16
29hb Julai	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PUASA MENDIDEK NAFSU

Bingkisan minggu ini

tara makhlok dengan khali-nya. Dengan lain perkataan puasa ia-lah peguasaan bagi hawa nafsu agar dapat di-alirkan menurut chara yang sa-wajar-nya, kerana hawa nafsu yang tidak di-kontrol atau di-kuasai itu tak ubah seperti sa-buah jentera yang tidak mempunyai alat pengawal, yang demikian perjalanan-nya ada-lah di-luar ketetapan kawalan, ia-itu ia-nya bertindak sa-mata2 atas kepupayaan dan kehendak-nya sendiri.

Berhubung dengan perkara ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang kira2 bermaksud: "Puasa itu sa-bagai perisai atau pagar yang sanggup mengawal diri sa-seorang daripada melakukan angkara maksiat dan tipu daya shaitan."

Ya, nafsu ada-lah musuh yang paling besar bagi manusia; kalau bukan kerana nafsu yang tamak haluba tidak akan terjadi pembunuhan, tidak akan

terjadi peperangan, tidak akan terjadi tipu muslihat, tidak akan terjadi kekacauan dan sa-bagai-nya. Pada hakikat-nya nafsu itu tidak merosakan, asalkan ia-nya dapat di-kontrol dan di-didek dengan kesempurnaan. Maka soal mendidek hawa nafsu karah yang di-redhai oleh Allah itu-lah yang menjadi tujuan dan maksud puasa yang sa-benar-nya.

Tapi yang aneh-nya, apabila saja tiba bulan puasa, kebanyakan orang2 kita berbelanja besar melebihi dari bulan2 yang lain di-sebabkan menurut tuntutan hawa nafsu — tais-liorkan berbagai-macam makanan dan masakan untuk juadah sa-masa bersungai. Sedangkan makan kita sa-tiap kali bersungai itu tidaklah sa-besarnya jika dibandingkan dengan hari2 lain (bukan bulan puasa).

Maka dari berbagai-macam makanan dan masakan yang berlebihan itu seringkali tinggal menjadi bangas tidak terkandung, yang demikian bukannya itu membazir nama-nya? Sedangkan sifat membazir itu telah jelas di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Kor'an dimana Ia (Allah) mengangap orang2 yang membazir itu sa-bagai sahabat2 shaitan.

Oleh itu sesuai dengan konsep ibadah puasa sa-bagai satu ajaran untuk menahan hawa nafsu serta berjimat chermat, maka sa-clok-nya-lah kita memerhatikan perkara2 yang sa-demikian itu sa-mata2 untuk menyempurnakan lagi ibadah kita itu kapada Allah.

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN — Dua orang lagi saudara baru telah memelok Ugama Islam di-Daerah Brunei dan Muara sa-panjang dua minggu lalu di-dua tempat yang yang berasingan.

Awal Julai ini, Dyg Muliah anak Jamit berumur 19 tahun berasal dari Kampong Panchong, Tutong telah memelok Ugama Islam dengan memilih nama Islam sa-bagai Dyg Normelia binte Abdullah di-hadapan Awg Mohd Yusof bin Perak. Majlis pengislaman-nya telah di-langsungkan di-

Masjid Kampong Menunggol.

Manakala itu bertempat di-rumah Pengiran Haji Jadid bin Pg Omarali di-Kampong Bakut Pengiran Siraja Muda 'B' Awang Francis Chia, sa-orang pemuda China dari Kampong Kenyalang Park, Kuching, Sarawak telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd Sofian bin Abdullah.

Majlis pengislaman-nya telah di-langsungkan di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Laila Utama Awg Haji Ismail bin Mat Serudin.



DAYANG Normelia di-majlis pengislaman-nya.

NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

SENARAI NAMA2 AMIL SELUROH NEGERI BRUNEI BAGI TAHUN 1980/1400 BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

MAJLIS Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek 145 orang Amil untuk mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1400.

Dari jumlah itu, sa-ramai 104 orang di-tugaskan mengutip zakat fitrah di-Daerah Brunei-Muara; 20 orang di-Daerah Tutong; 15 orang di-Daerah Belait dan enam orang di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap Majlis Islam Negeri Brunei menyeru umat Islam di-negeri ini supaya membayar zakat fitrah mereka kepada Amil2 yang telah dilantek di-kawasan masing2.

Kata-nya zakat fitrah boleh di-bayar mulai dari sekarang dan tidak lewat dari Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Bandar Seri Begawan "A"		
a)	Kawasan Bolkih Kem dan sekitar-nya (yang bukan terdiri daripada Anggota Askar Melayu Diraja dan keluarganya,	Yang Dimulihkan, Pehin Tuan Imam Dato' Setia Awang Haji Tamin bin Abdul Hamid.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
b)	Kawasan Istana Edinburgh,		
c)	Kawasan Jalan Perayaan,		
d)	Kawasan Jalan Merdeka,		
e)	Kawasan Jalan Bahagia,		
f)	Kawasan Jalan Rakis,		
g)	Kawasan Jalan Telepok,		
h)	Kawasan Jalan Melabau.		
2.	Bandar Seri Begawan "B"		
a)	Kawasan Jalan Melabau Baru,	Yang Dimulihkan, Pehin Khatib Awang Siraj bin Abdullah.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
b)	Kawasan Barrek Kaki Tangan Ukor dan sekitar-nya,		
c)	Kawasan Jalan Temanggong,		
d)	Kawasan Jalan Tapak Kuda,		
e)	Kawasan Jalan Senuai.		
3.	Bandar Seri Begawan "C"		
a)	Kawasan Jalan Ong Sum Ping,	Yang Mulia, Mudim Haji Mohd Yassin bin Awang Damit.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
b)	Kawasan Jalan Jawatan Dalam,		
c)	Kawasan Jalan Mabohai,		
d)	Kawasan Jalan Sekolah,		
e)	Kawasan Jalan Dato Marsal,		
f)	Kawasan Workshop,		
4.	Bandar Seri Begawan "D"		
a)	Kawasan Jalan Lintang,	Yang Dimulihkan, Pehin Khatib Haji Abdul Hamid bin Metassan.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
b)	Kawasan Jalan Simpang Sekolah,		
c)	Kawasan Jalan Tongkadeh,		
d)	Kawasan Jalan Padang,		
e)	Kawasan Jalan Dato Taib.		

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
5.	Bandar Seri Begawan "E"		
a)	Kawasan Jalan Dato Isa,	Yang Mulia, Mudim Awang Haji Wahid bin Awang Haji Besar.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin.
b)	Kawasan Jalan Tasek,		
c)	Kawasan Jalan Tasek Lama hingga ka-Ang Hotel,		
d)	Kawasan Madarsah.		
6.	Bandar Seri Begawan "F"		
a)	Kawasan Jalan Maharaja Laila,	Yang Dimulihkan, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mohd Said bin Awang Tengah.	Di-Masjid Omar Ali Saifuddin dan Di-Rumah Amil.
b)	Kawasan Simpang Istana hingga ka-Batu 4 Jalan Tutong,		
c)	Kampung Telanai,		
d)	Kampung Medewa.		
7.	Bandar Seri Begawan "G"		
a)	Kawasan Istana Darul Hana dan sa-keliling-nya,	Yang Dimulihkan, Pehin Orang Kaya Perbandarahan Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Ali Hussin bin Pehin Khatib Mohammad.	Di-Surau Istana.
b)	Kawasan Kampung Bandong		
c)	Kawasan Kawalan Pulis Diraja (Permanent Escort).		
8.	Bandar Seri Begawan "H"		
	Kampung Sumbiling Baru dan sa-hingga sa-belum Jalan Maharaja Laila Batu 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.	Yang Mulia, Pengiran Puteh bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampung)	Di-Rumah Amil.
9.	Bandar Seri Begawan "I"		
a)	Kawasan dari Recreation Club simpang Jalan Gadong hingga ka-Jambatan Gadong,	*Yang Mulia, Awang Haji Ibrahim bin Ahmad (Penghulu Mukim)	Di-Rumah Amil.
b)	Kawasan (Station Minyak) dan sekitar-nya.		
c)	Kawasan Jalan Kumbang Pasang.		
10.	Bandar Seri Begawan "J"		
a)	Kawasan Puser Ulak,	*Yang Mimulihkan, Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Awang Hitam.	Di-Rumah Amil.
b)	Kawasan Simpang Jalan Tutong (sebelah kiri)		
c)	Kawasan Jalan Stony,		
d)	Kawasan Jalan Dato Ibrahim,		
e)	Kawasan Barrek Hospital,		
f)	Kawasan Kampung Sumbiling Lama,		
g)	Kawasan Jalan Istana Darussalam,		
h)	Kawasan Balai Bomba BSB dan sekitar-nya,		
11.	Bandar Seri Begawan "K"		
a)	Kawasan Kampung Kianggeh,	*Yang Mulia, Awang Haji Puting bin Pengarah Raman (Ketua Kampung)	Di-Rumah Amil.
b)	Kawasan Kedai2 BSB, Brunei		
c)	Kawasan Jalan Residency.		

* Amil yang baru di-lantek.

BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI BAGI TAHUN 1980/1400

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR	BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Kampung Sultan Lama	Awang Haji Omar bin Awg Duah (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	13.	Kampung Sungai Kedayan "B"	Awang Rosli bin Haji Abd Aziz (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
2.	Kampung Pengiran Bendahara Lama	Awang Tumar bin Awang Lingga (kakitangan Pejabat Tanah)	Di-rumah Amil	14.	Kampung Ujong Tanjong	Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdul Hamid (kakitangan JHEU)	Di-rumah Amil
3.	Kampung Pengiran Pemancha Lama	Pengiran Ibrahim bin Pg Ahmad (kakitangan JHEU)	Di-rumah Amil			Pengiran Mohd Kassim bin Pengiran Mohd Salleh (Guru Ugama)	Di-rumah Amil
4.	Kampung Pengiran Setia Negara	Pengiran Haji Damit bin Pg Ahmad (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	15.	Kampung Kuala Sungai Pemi-nyak.		Di-rumah Amil
5.	Kampung Bakut Pengiran Si-raja, Muda "A"	Pengiran Haji Othman bin Pengiran Metassan (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	16.	Kampung Tamoi Tengah	Awang Tengah bin Awang Othman (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
6.	Kampung Bakut Pengiran Si-raja, Muda "B"	Pengiran Haji Abd Rahman bin Pengiran Haji Tejuddin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	17.	Kampung Tamoi Hujung	Awang Mokti bin Awang Mohd Salleh (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
7.	Kampung Pengiran Kerma Indra Lama.	Pengiran Mahmud bin Pg Maidin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	18.	a) Kampung Burong Pinggai Ayer,	Pengiran Haji Othman bin Abdul Kadir (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
8.	Kampung Pengiran Tejuddin Hitam		Di-rumah Amil	b)	Kampung Sengkirap		Di-rumah Amil
9.	Kampung Bukit Salat	Pehin Bendahari Awang Mat Seruddin bin Pehin Tuan Imam Abd Rahman (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	19.	Kampung Lurong Dalam	Awang Haji Abu Bakar bin Awang Hashim (Penghulu Mukim)	Di-rumah Amil
10.	Kampung Ujong Bukit	Awang Mohd Noor bin Awg Mohd Yussof (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	20.	Kampung Sungai Pandan "A"	Awang Abdullah Sunny bin Haji Bakar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
11.	Kampung Limbongan	Awang Mohd Noor bin Pehin Khatib Abd Razak (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	21.	Kampung Sungai Pandan "B"	Pengiran Sharifuddin bin Pg Ahmad (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
12.	Kampung Sungai Kedayan "A"	Awang Ahmad bin Awang Jeluddin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil	22.	Kampung Pandai Besi "A"	Awang Haji Momin bin Awg Besar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
				23.	Kampung Pandai Besi "B"	Awang Ismail bin Awang Ja'afar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil

Lihat muka 10

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 23HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 KAP KAP UDANG
- 4.20 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
- 4.40 ANIMAL WORLD — "Zululand"
- 5.10 DR WHO
- 5.40 MORK AND MINDY
- 6.10 RENGKASAN BERITA
- 6.17 MARI SEMBAHYANG
- 6.32 MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TYCOON — "Out of the Speaking Dark"
Di-Jerman Diane membuat beberapa penemuan2 yang menghairankan mengenai kerjaya awal suami-nya.
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 TYCOON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 RAMADHAN
- 9.05 PARIS
- 9.55 TAYANGAN GAMBAR TV : "A Reflection Of Fear"
Di-bintangi : Robert Shaw, Sally Kellerman, Mary Ure, Sondra Locke dan Signe Hasso.
- 12.10 SIARAN TAMAT.

- 5.20 HECKLE AND JECKIE
- 5.40 MAGIC PALACE
- 6.05 RENGKASAN BERITA
- 6.13 MARI SEMBAHYANG
- 6.27 MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 GENERATION GAME
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 GENERATION GAME — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN
- 8.45 TELESOKAN
- 9.15 BENSON — "The Layoff"
Benson, terkenal dengan sifat lembut-nya terpaksa mengurangkan bilangan kakitangan termasuk tukang masak pastrri yang di-kasih di-sebabkan oleh gelombang ekonomi yang melanda rumah governor.
- 9.45 QUINCY — "Small Circle of Friends"
Penyakit perempuan di-takuti merebak ka-seluruh negara melainkan Quincy dapat mencari sa-orang pelachor yang di-shakki sa-bagai puncha-nya.
- 10.35 BIG LEAGUE SOCCER
- 11.25 SIARAN TAMAT.

SABTU - 26HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 KAP KAP UDANG
- 4.20 WACKY RACES
- 4.42 BEWITCHED — "The Phrase Is Familiar"
Oleh kerana sumpahan Endora, Darin hampir2 kehilangan pekerjaan-nya.
- 5.05 SESAME STREET
- 6.05 RENGKASAN BERITA
- 6.14 MARI SEMBAHYANG
- 6.27 CHERITA MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 RAMADHAN
- 9.05 INI-LAH LAGU-KU
- 9.55 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.35 SIARAN TAMAT.

AHAD - 27HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 PLAYBOX
- 4.15 JABBERJAW
- 4.40 AUDUBON WILDLIFE THEATRE
- 5.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Crossed Connections"
Bila talipon di-pasang di-Walnut Grove, Mrs Oleson yang suka menjaga tepi kain orang mendengarkan panggilan jiran-nya — dan mendapat tahu rahsia yang mengancam untuk memusnahkan perkahwinan Jonathan dan Alice Garvey.
- 5.55 SELINGAN
- 6.05 RENGKASAN BERITA
- 6.12 MARI SEMBAHYANG
- 6.32 MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



NELLIE Oleson dan ibu-nya yang suka menjaga tepi kain orang (Alison Arngnim dan Katherine MacGregor) merasa seronok bila talipon yang pertama tiba di-Walnut Grove, dalam 'Little House On The Prairie' yang bertajuk 'Crossed Connections.'

- 7.15 THE INCREDIBLE HULK
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.30 RAMADHAN
- 8.45 SAYANG CHIK SITI
- 9.15 PUSPARAMA
- 10.05 CRIBB — "Swing Swing Together"
Berenang tengah malam sa-chara haram menjadi saksi kepada pembunuhan satu mayat di-humban ka-dalam ayer — oleh tiga orang lelaki di-dalam sa-buah bot — dengan sa-ekor anjing.
- 10.55 TALES OF THE UNEXPECTED — "Taste"
Mike Schofield (Anthony Carrick) ada-lah sa-orang lelaki yang membuat minuman wine dan berjudi. Beliau tidak pernah memenangi ujian merasa ini di-masa lalu tetapi pada malam ini pasti yang ia akan menang. Tak sa-orang pun yang dapat memberi nama pada minuman wine luarbiasa yang di-perbuat-nya.
- 11.35 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 28HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 KAP KAP UDANG
- 4.20 YOUNG PEOPLE'S SPECIAL — "Pilgrim Journey"
- 4.45 GRIZZLY ADAMS — "Beaver Dam"
Grizzly chuba memujuk keluarga Beaver untuk membena empangan di-tempat lain.
- 5.35 BIG BLUE MARBLE
- 6.05 RENGKASAN BERITA
- 6.12 MARI SEMBAHYANG
- 6.27 CHERITA MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA

- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 RAMADHAN
- 9.05 MINDER
- 9.55 LIVE AT THE FORUM
- 10.45 DANGER UXB — "The Silver Lining"
Bahagian ini menyelesaikan sa-biji bom di-kelab malam Kelab Waikiki, di-mana Salt bertemu dan jatuh cinta pada sa-orang penari muda. Perhubungan Brian dan Susan bermula.
- 11.25 SIARAN TAMAT.

SELASA - 29HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 KAP KAP UDANG
- 4.20 BATTLE OF THE PLANETS
- 4.45 CASTAWAY
- 5.10 BENGKEL KANAK2
- 5.35 SAPHIRE AND STEEL
- 6.05 RENGKASAN BERITA
- 6.13 MARI SEMBAHYANG
- 6.27 MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 STONE
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 STONE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN
- 8.45 BERBALAS PANTUN
- 9.10 DOKUMENTARI TEMPATAN : "Mukim Saba"
- 9.45 TAYANGAN GAMBAR : "The Boston Strangler"
Mengapa-kah mereka membuka pintu mereka ? Mengapa-kah Boston Strangler tidak pernah di-bicarakan ? Ini ada-lah kisah sebenar yang belum pernah di-cheritakan sa-belum ini !
- 11.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 24HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 KAP KAP UDANG
- 4.20 SPIDERMAN
- 4.45 SESAME STREET
- 5.40 A PLACE TO LIVE
- 5.55 FACTS ARE THESE
- 6.10 RENGKASAN BERITA
- 6.17 MARI SEMBAHYANG
- 6.32 MENJELANG SUNGKAI
- 6.42 BEDOK AZAN
- 6.46 NASHID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE PROFESSIONALS — "Madness of Mickey Hamilton"
Mickey Hamilton menjadi kurang waras berikutan dengan dua trajidi dalam penghidupan-nya yang mana ia menyalahkan doktor2. Ia ingin membuat pembalasan dengan membunuh sa-bberapa banyak doktor yang boleh. C-15 di-panggil untuk menyiasat.
- 7.53 AZAN ISHA
- 7.57 THE PROFESSIONALS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 RAMADHAN
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 DOCUMENTARY — Cambodia Year 1 "The Aid Crisis"
- 10.35 GARRISON'S GORILLAS — "The Frame Up"
- 11.25 PERLAWANAN GUSTI
- 12.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 25HB JUL

PETANG

- 3.30 PEMBUKAAN
- 3.32 KORAN/DOA
- 3.48 SUSUNAN RANCHANGAN
- 3.50 BAD NEWS BEARS
- 4.15 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 4.55 THE MUPPETS



GAMBAR atas menunjukkan salah satu adegan dalam tayangan gambar malam ini bertajuk 'A Reflection of Fear' yang akan dapat awda saksikan pada jam 9.40 malam.

Gambar kiri: Tony Curtis memegang peranan seperti tajok cerita ini ia-itu 'The Boston Strangler'.

Filem ini akan dapat awda saksikan pada hari Selasa, jam 9.45 malam.

Gambar bawah: Inga Swenson sa-orang pelakon dalam siri 'Benson' sa-bagai Gretchen Kraus penjaga rumah yang di-takuti. Ia bekerja di-rumah governor sejak beberapa tahun dan tidak boleh di-buang kerja kerana ia mungkin akan menngarang sa-buah buku.



SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI

MINGGU ini siswazah akan datang ia-lah Ustaz Abdul Wahid bin Mohd Daud, Pengerusi Maktab Perguruan Ugama Sultan Begawan. Beliau berkahwin dengan siswazah BA dari Al-Azhar University, Kaherah pada tahun 1977.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada hari Ahad 27hb Julai 1978 jam 9.30 pagi dan ulangannya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

Gambar kiri menunjukkan Ustaz Abdul Wahid sedang ditemuramah oleh Mohd Noor Mohamad.

Kesah misteri dalam "A Reflection of Fear" malam ini

'A Reflection of Fear' pada malam ini jam 9.40 dibintangi oleh Robert Shaw, Sally Kellerman, Mary Ure, Sondra Locke dan Signe Hasso.

Suasana yang menakutkan menyelubungi kesah mistri penuh suspens sa-orang gadis muda yang jelita, Marguerite (Sondra Locke) siapa yang menjadi penghubung utama diantara ibu-nya (Mary Ure), bapa-nya (Robert Shaw) dan kekasih-nya (Sally Kellerman).

Marguerite terasing dari

dunia luar, sama-lah seperti sa-orang tahanan, oleh ibu-nya dan nenek-nya (Signe Hasso).

Bila bapa-nya berserta kekasih-nya pulang untuk melawat mereka sa-lapas 10 tahun, baharu-lah isteri-nya menyedari, tetapi agak terlambat, bahawa ia adalah satu2-nya orang yang pernah memberikan-nya kasih sayang.

Pertemuan ini ada-lah jauh dari mengembirakan berbagai ketegangan emosi lain timbul dengan hasil2 yang menakutkan.

Dokumentari: Cambodia Year One — The Aid Crisis

Esok, Khamis jam 9.30 malam

BANTUAN bernilai berjuta2 paun untuk membeli makanan dan ubat2an menchurah2 ka-Kambodia sejak Oxfam melancarkan rayuan antarabangsa-nya.

Tetapi ada-kah bekalan2 ini menchukopi? Ada-kah orang2 Kambodia maseh ada yang mati kelaparan? Ada-kah Vietnam yang menduduki Kambodia merampas makanan itu?

Ranchangan ini di-gambarkan di-sebuah hospital sementara berhampiran dengan Phnom Penh. Sa-orang budak lelaki di-masokkan kerana mengidapi demam panas.

Kakitangan yang tidak terlatih bersungguh2 menolong, tetapi mereka tidak mempunyai kemahiran-nya — dan juga ubat2an.

Ke-esokan hari-nya budak lelaki itu meninggal.

'Kematian-nya menggambarkan dua masaalah yang membinasakan Kambodia hari ini,' kata penerbit Michael Beckham.

'Makanan dan ubat2an mula datang menchurah2 — tetapi hanya sedikit sahaja yang tiba kapada orang2 yang benar2 memerlukan bekalan2 ini.

'Dan Kambodia amat kekurangan sekali dengan

orang2 yang berkemahiran —terutama-nya doktor2.'

Ranchangan ini ada-lah kesah sa-buah negeri yang telah kehilangan lebih dari satu pertiga raayat-nya melalui pembunuhan dan kelaparan.

Nama2 penderma

Nama2 Penderma Lagu2 Melayu Radio Brunei

Nama

1. Penuntut2 Tingkatan 4 Arts 3 S.T.P.R.I.
2. Dk Saadiah Pg Haji Tuah
3. Norhani Ma'aruf
4. Dk Noorleilawaty Pg M.O.A.
5. Rose Saidi
6. Siti Aisah Hashim
7. Kok Kik Hing
8. Nooriezan Mujah
9. Siti Hawa Haji Ismail
10. Hajjah Nafiah Haji Mohd Hassan

Nama2 penderma yang ber...

BORANG LAGU2

Nama Penderma :

Alamat :

Nama Lagu :

Di-tujukan :

Uchapan :

Tarikh :

Alamatkan Kapada :

Lagu2 Permintaan Derma
d/a Peti Surat 6000,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.



PESTARIA satu projek kan oleh Radio Brunei Ranchangan mengira sam atau di-luar memberikan peminat2-nya

Dalam gam Daud Metan nemuramah penyanyi P Faridah Pg mengalunkan Pestaria yang Daerah Temu

KELIHATAN (kanan) per Saint Angela berbuai-buai changkan s mengisikan sekolah la-

NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

KAWASAN PENDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI-MUARA BAGI TAHUN 1980/1400

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR	BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Pulau Baru-Baru Kampung Pulau Baru-Baru	Awang Mohammad bin Awg Haji Menuddin (Imam Masjid Kampung Pulau Baru-Baru)	Di-Masjid Kg Pulau Baru2.	23.	Masjid Muhammad Bolkiah "B"	Begawan Pehin Khatib Haji Mohd Yussof bin Abdul Latif	Di-Masjid Mohd Bolkiah.
2.	Pudak Kampung Pudak	Awang Mohd Yassin bin Awg Idris (Imam Masjid Kampung Pudak)	Di-Masjid Kg Pudak.	a) Kampung Pancha Delima, b) Kawasan Pulis Lapangan Terbang dan sekitar-nya.			
3.	Serdang Kampung Serdang	Awang Haji Jumat bin Haji Mertarsat (Pengk Imam Sur- rau Kampung Serdang).	Di-Surau Kg Serdang.	24.	Masjid Muhammad Bolkiah "C"	Begawan Mudim Haji Me- tussin bin Awang Safar	Di-Masjid Mohd Bolkiah.
4.	Kasat "A"	Awang Kamis bin Awang Haji Tersad (Imam Masjid Kampung Kasat)	Di-Masjid Kg Kasat.	a) Kampung Anggerek Desa, b) Kampung Pulai.			
5.	Lumapas	Awang Haji Kamis bin OKK Haji Tahir (Imam Masjid Kampung Lumapas)	Di-Masjid Kg Lumapas.	25.	Kawasan Pulis Diraja	Sgt 2 Pengiran Haji Ali bin Pengiran Bustamam	Di-Surau Pulis Gadong
6.	Limau Manis	Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Md Daud (Imam Masjid Kampung Limau Manis)	Di-Masjid Kg Limau Manis.	Kawasan Pulis Diraja Gadong dan Kawasan Pasokan Pulis, simpangan2-nya.			
7.	Pengkalan Batu	Awang Haji Metali bin Awang Sudin (Imam Masjid Kampung Pengkalan Batu)	Di-Masjid Kg Pengkalan Batu.	26.	Berakas Kem dan Bolkiah Kem	Begawan Mudim Dato Haji Adanan bin Pehin Dato Imam Haji Mokti	Di-Surau Askar Melayu Diraja Brunei.
8.	Masin	Awang Haji Jumat bin Awg Haji Nayan (Imam Masjid Kampung Masin)	Di-Masjid Kg Masin.	a) Kawasan Askar Melayu Di- raja Brunei Berakas Kem, b) Kawasan Askar Melayu Di- raja Brunei Bolkiah Kem (untuk Askar Melayu Di- raja Brunei dan keluarga2 mereka sahaja)			
9.	Panchor Murai	Awang Haji Jumat bin Awg Haji Murah (Imam Masjid Kampung Panchor Murai)	Di-Masjid Kg Panchor Murai.	27.	Sungai Matan	Awang Damit bin Awang Menuddin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
10.	Kilanas	Awang Ghafar bin Awang Ghani (Imam Masjid Kam- pong Kilanas)	Di-Masjid Kg Kilanas.	Kampung Sungai Matan			
11.	Bunut	Awang Annuar bin Awang Mohd Yussof (Imam Masjid Kampung Bunut)	Di-Masjid Kg Bunut.	28.	Dato Gandi	Awang Abu Bakar bin Awang Mohd Salleh (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
12.	Sengkuring	Awang Haji Baha bin Abdul Karim (Imam Masjid Kam- pong Sengkuring) dan Awang Nayan bin Awang Juma'at (Bilal Masjid Kam- pong Sengkuring)	Di-Masjid Kg Sengkuring.	Kampung Dato Gandi			
13.	Kati Mahar	Awang Haji Mohiddin bin Awang Tabib (Imam Masjid Kampung Kati Mahar)	Di-Masjid Kg Kati Mahar.	29.	Pelambayan	Awang Ibrahim bin Awang Haji Metersad (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
14.	Jerudong	Pengiran Haji Jamaluddin bin Pengiran Bahar (Imam Masjid Kampung Jerudong)	Di-Masjid Kg Jerudong.	Kampung Pelambayan			
15.	Muara "A"	Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mahmud (Imam Masjid Setia Ali Pekan Muara)	Di-Masjid Setia Ali Pekan, Muara.	30.	Kota Batu	Pengarah Haji Jalil bin Awg Abdullah (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
16.	Muara "B"	Awang Tuah bin Awang Mohd Yussof (Khatib Mas- jid Setia Ali Pekan Muara)	Di-Masjid Setia Ali Pekan, Muara.	Kampung Kota Batu			
17.	Batu Marang	Pengiran Abdul Samat bin Pengiran Abu Bakar (Imam Masjid Kampung Batu Ma- rang)	Di-Masjid Kg Batu Marang.	31.	Pintu Malim	Awang Haji Ludin bin Awg Haji Hashim (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
18.	Sungai Besar	Pengiran Haji Mohd Zain bin Awang Tejuddin (Imam Masjid Kampung Sungai Besar).	Di-Masjid Kg Sungai Besar.	a) Kampung Pintu Malim b) Kampung Sungai Lampai			
19.	Tanah Jambu	Awang Ismail bin Awang Md Daud (Imam Masjid Kampung Tanah Jambu)	Di-Masjid Kg Tanah Jambu.	32.	Subok	Awang Haji Kamis bin Awg Tangkim (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
20.	Sungai Hanching	Awang Hashim bin Awang Ahmad (Imam Masjid Kg Sungai Hanching)	Di-Masjid Kg Sg Hanching.	a) Kampung Subok b) Kampung Belimbing			
21.	Perpindahan Berakas	Awang Haji Ibrahim bin Awang Othman (Imam Mas- jid Sufri Bolkiah Berakas)	Di-Masjid Sufri Bolkiah Berakas.	33.	Menunggol	Awang Ja'afar bin Awang Kassim (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
22.	Masjid Mohammad Bolkiah "A"	Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Abd Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Ja'afar	Di-Masjid Mohd Bolkiah.	a) Kampung Menunggol, b) Kampung Riong			
	a) Kampung Seru sup dan termasuk kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Bega- wan Sultan, b) Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda.			34.	Kasat "B"	Awang Sani bin Awang Akim (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Putat b) Kampung Baong			
				35.	Lupak Luas	Awang Mohd Hashim bin Haji Ja'afar @ Md Zain (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Lupak Luas b) Kampung Tarap Bau			
				36.	Tasek Meradun	Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Md Daud (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				Kampung Tasek Meradun			
				37.	Bengkuring	Awang Haji Chuchu bin Awang Haji Nayan (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Bengkuring b) Kampung Burong Lepas c) Kampung Sinurabai			
				38.	Junjongan	Awang Haji Kamis bin Awg Metali (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				Kampung Junjongan			
				39.	Kiulap	Awang Mohammad bin Awg Abu Bakar (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
				Kampung Kiulap			
				40.	Mentiri	Awang Diwa bin Awang Rabaha (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				Kampung Mentiri			
				41.	Sungai Buloh	*Pengiran Jamaluddin bin Pengiran Haji Kahar (Guru Ugama)	Di-Rumah Pengkulu Mukim Mentiri.
				Kampung Sungai Buloh			
				42.	Manggis	Awang Haji Nasar bin Awg Tarif (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Manggis b) Kampung Sungai Akar c) Kampung Madang d) Kawasan Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara.			
				43.	Berakas "A"	Awang Pudir bin Awang Jumahat (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				Kampung Lambak "A"			
				44.	Berakas "B"	Awang Haji Juna bin Awg Abd Kahar (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
				Kampung Lambak "B"			
				45.	Orang Kaya Besar Imas	Awang Mohammad bin Awg Haji Jamaluddin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				Kampung Orang Kaya Besar Imas			
				46.	Gadong "A"	Pengiran Haji Mohd Daud bin Pengiran Haji Abdul Rahman	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Pengkalan Gadong b) Kawasan Barrek Letrik			
				47.	Gadong "B"	Awang Amit bin Awang Haji Bungsu (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Gadong Estate b) Kampung Rimba			
				48.	Gadong "C"	Awang Alim bin Awang Ja'afar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
				a) Kampung Tungku b) Kampung Katok			
				49.	Gadong "D"	Awang Haji Berudin bin Awg Abu Bakar (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
				Kampung Mata-Mata			
				50.	Gadong "E"	Awang Haji Sukor bin Awg Haji Pakar (Pengkulu Mu- kim)	Di-rumah Amil.
				Kampung Beribi			
				51.	Gadong "F"	Awang Hassan bin Awang Haji Ahim (Ketua Kam- pong)	Di-rumah Amil.
				Kampung Kiarong			
				52.	Sungai Belukut	*Awang Haji Yakub bin Haji Tengah	Di-rumah Amil.
				Kampung Sungai Belukut			

* Amil yang baru di-lantek.

NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH BELAIT BAGI TAHUN 1980/1400

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Dari Round About Batu 4 Kuala Belait hingga ka-Sungai Tujoh Kuala Belait	a) Awang Zainal bin Awang Idris (Imam Masjid Mohd Jamalul Alam Belait) b) Awang Shafie bin Omar Inche' (Bilal Masjid Mohd Jamalul Alam Belait) c) Che'gu Osman bin Abdullah (Guru Ugama) *d) Che'gu Jayah bin Buntar (Guru Ugama)	Masjid Mohd Jamalul Alam.
2.	Dari Lorong 3 Seria hingga ka-Sungai Anduki Seria	a) Awang Haji Yusoff bin Awang Munjil (Imam Masjid Pekan Seria) *b) Che'gu Johari bin Kamis (Guru Ugama)	Masjid Pekan Seria.
3.	Dari Lorong 4 Seria hingga ka-Round About Batu 4 Kuala Belait	a) Awang Japar bin Awang Ibrahim (Khatib Masjid Pekan Seria) *b) Che'gu Talipuddin bin Mahari (Guru Ugama)	Masjid Pekan Seria.
4.	Mukim Masjid Sungai Liang	a) Awang Haji Abd Wahid bin Haji Wahab (Penghulu Mukim) *b) Che'gu Haji Hassan bin Haji Mohammad (Guru Ugama)	Masjid Kg Sungai Liang.
5.	Mukim Masjid Labi	a) Che'gu Suhaimi bin Abang (Pembk Imam Masjid Labi) b) Awang Haji Ahmad bin Awang Metassim	Masjid Labi.
6.	Mukim Masjid Bukit Sawat, dan Sungai Ubar	a) Awang Haji Ali bin Awg Othman (Imam Masjid Kg Bukit Sawat) *b) Che'gu Asman bin Kassim (Guru Ugama/Pembk Bilal)	Masjid Kg Bukit Sawat.
7.	Mukim Kuala Balai	Awang Shafie bin Lewin (Ketua Kampung Kuala Balai).	Di-rumah Amil.

SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1980/1400

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Kawasan Barat Masjid, Hassanalk Bolkiah a) Kawasan Kuala Tutong b) Kampung Sengkarai c) Kampung Petani d) Kawasan Bukit Bendira dan Sungai Basong	Awang Johari bin Awang Abdul Hamid (Imam Masjid Hassanalk Bolkiah)	Di-Masjid Hassanalk Bolkiah.
2.	Kawasan Timor Masjid, Hassanalk Bolkiah a) Kampung Suran b) Kampung Panchor Dulit c) Kampung Panchor Papan d) Kampung Rambai	Awang Abu Bakar bin Haji Ya'akub (Pembk Bilal Masjid Hassanalk Bolkiah)	Di-Masjid Kg Hassanalk Bolkiah.
3.	Mukim Masjid Kampung Penanjong	Awang Abdul Wahab bin Awang Haji Othman (Imam Masjid Kg Penanjong)	Di-Masjid Kg Penanjong.
4.	Mukim Masjid Kg Sinaut	Awang Judin bin Awang Mohd (Imam Masjid Kg Sinaut)	Di-Masjid Kg Sinaut.
5.	Mukim Masjid Kg Keriam	Awang Ahmad bin Awang Jumat, (Imam Masjid Kg Keriam)	Di-Masjid Kg Keriam
6.	Mukim Masjid Kg Kupang	Awang Bohari bin Awang Kemat (Imam Masjid Kg Kupang)	Di-Masjid Kg Kupang.
7.	Mukim Masjid Kg Birau	Awang Abdul Rahman bin Awang Serudin (Imam Masjid Kg Birau)	Di-Masjid Kg Birau.
8.	Mukim Masjid Kg Lamunin	Awang Ahmad bin Awang Hussin (Imam Masjid Kg Lamunin)	Di-Masjid Kg Lamunin.
9.	Mukim Masjid Kg Layong	Awang Haji Abd Manaf bin Awang Haji Lahid (Imam Masjid Kg Layong)	Di-Masjid Kg Layong.
10.	Mukim Masjid Kg Kiudang	Awang Othman bin Awang Talipuddin (Imam Masjid Kg Kiudang)	Di-Masjid Kg Kiudang.
11.	Mukim Masjid Kg Tanjong Maya	Awang Subohi bin Awg Abd Kadir (Imam Masjid Kg Tanjong Maya)	Di-Masjid Kg Tanjong Maya.
12.	Mukim Masjid Kg Tumpuan Telisai	Awang Sabtu bin Awg Abu Bakar (Imam Masjid Kg Tumpuan Telisai)	Di-Masjid Kg Tumpuan Telisai.
13.	Mukim Masjid Kg Danau	Awang Haji Abd Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kg Danau)	Di-Masjid Kg Danau.

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
14.	Mukim Masjid Kg Penapar	Pengiran Mumin bin Pengiran Sulaiman (Imam Masjid Kg Penapar)	Di-Masjid Kg Penapar.
15.	Mukim Masjid Kg Menengah dan Kampung Bukit Sulang	Awang Ali bin Awang Jambol (Imam Masjid Kg Menengah)	Di-Masjid Kg Menengah.
16.	Mukim Masjid Kg Bukit Beruang	Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg Bukit Beruang)	Di-Masjid Kg Bukit Beruang.
17.	Kawasan Kampung Bekiau	Pengiran Othman bin Pg Salleh (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
18.	Kawasan Kampung Bukit Penggal	Awang Haji Momin bin Awg Ahmad (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil.
19.	Kawasan Askar Melayu Diraja Brunei Batalian ke-2 Tutong Kem	a) Capt Pengiran Haji Jalludin bin Pg Mustapa b) Awang Alikhan bin Awg Ismail (Imam Surau AMDB Tutong Kem)	Di-Surau Batalian ke-2 Tutong Kem.

SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1980/1400

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
1.	Kawasan Bangar "A" a) Kawasan Pekan Bangar b) Kampung Tanjong Seri Belayang c) Kampung Puni d) Kampung Batang Tuau e) Kampung Hujung Jalan	*Awang Yahya bin Awang Lamuddin (Pmk Bilal Masjid Utama Mohd Salleh)	Di-Masjid Utama Mohd. Salleh.
2.	Kawasan Bangar "B" a) Kawasan Pekan Bangar Baru, b) Kampung Menengah c) Kampung Gadong d) Kampung Semamang	Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Mohd Salleh (Bilal Masjid Utama Mohd Salleh)	Di-Masjid Utama Mohd. Salleh.
3.	Kawasan Kampung Selangan a) Kampung Selangan b) Kampung Belaban Baru c) Kampung Belingus d) Kampung Sibulu e) Kampung Sibut f) Kampung Amo	Awang Abd Kadir bin Pehin Datu Perkarna Diwa Haji Abdul Rahim (Imam Masjid Kampung Selangan).	Di-Masjid Kg Selangan.
4.	Mukim Masjid Batu Apoi	Pengiran Haji Abd Rahman bin Pg Sulaiman (Imam Masjid Kampung Batu Apoi)	Di-Masjid Kg Batu Apoi.
5.	Mukim Masjid Bokok	Awang Haji Sabtu bin Awg Abdul Ghani (Imam Masjid Kampung Bokok)	Di-Masjid Kg Bokok.
6.	Mukim Masjid Labu Estate	Awang Ahmad bin Awang Tengah (Imam Masjid Kampung Labu Estate).	Di-Masjid Kg Labu Estate.

Dari muka 6

BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	T/MEMBAYAR
24.	Kampung Pekan Lama	Pengiran Metassan bin Pg Damit (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
25.	Kampung Bakut Berumput	Pengiran Othman bin Pg Damit (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
26.	Kampung Lurong Sekuna	Awang Haji Samat bin Awg Ibrahim (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
27.	Kampung Saba Tengah	Awang Ibrahim bin Awang Besar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
28.	Kampung Saba Laut	Awang Haji Masri bin Awg Raub (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
29.	Kampung Saba Hujung	Che'gu Haji Abd Hamid bin Haji Perali (Guru Ugama)	Di-rumah Amil
30.	Kampung Saba Darat "A"	Awang Haji Metali bin Awg Mat Yassin (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
31.	Kampung Saba Darat "B"	Awang Haji Sa'at bin Awg Haji Idris (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
32.	Kampung Pekilong Muara	Awang Damit bin Awang Merali (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
33.	Kampung Setia Pehlawan Lama	Awang Haji Abd Rahman bin Awang Abdullah (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
34.	Kampung Peramu	Awang Haji Awang bin Jambol @ Haji Chuchu (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
35.	Kampung Ujong Kelinik	Awang Mohd Salleh bin Awang Abu Bakar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
36.	Kampung Sungai Kebun	Awang Haji Ludin bin Awg Gapar (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
37.	Kampung Sungai Siemas	Awang Mohammad bin Awg Halim (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
38.	Kampung Setia "A"	Awang Haji Kepitan bin Pengarah Haji Besi (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil
39.	Kampung Setia "B"	Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair (Ketua Kampung)	Di-rumah Amil

* Amil yang baru di-lantek.

LEBEH RAMAI LAGI KAKITANGAN RTB BERKURSUS KA-SEBERANG LAUT

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Jabatan Radio dan Talivishen Brunei akan menghantar lebih ramai lagi pegawai2 dan kakitangan2-nya ka-seberang laut di-sepanjang tahun ini hingga bulan Januari tahun depan, untuk mengikuti kursus2 yang tertentu di-dalam berbagai bidang penyiaran. Ini termasuklah menghadiri beberapa seminar.

Langkah ini ada-lah satu di-antara usaha Jabatan tersebut untuk membekalkan pengetahuan pegawai2 dan kakitangan2-nya dalam tujuan untuk meningkatkan dan mengesankan lagi mutu persembahan Radio dan Talivishen Brunei.

AKAN BERKURSUS

Sa-panjang tahun ini, sa-ramai lapan orang pegawai dan kakitangan Radio dan Talivishen Brunei telah pun kembali ka-tanah ayer sa-lepas menghadiri kursus di-berbagai bidang penyiaran.

Sa-ramai sembilan belas orang lagi akan di-hantar. Sa-belas orang di-antara-nya akan di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran Singapura, manakala tujuh orang lagi akan di-tempatkan di-Asia Pacific Institute Broadcasting for Development (AIBD), Kuala Lumpur.

Pada bulan Ogos dan September yang akan datang, lima orang lagi pegawai dan kakitangan-nya akan di-hantar untuk mengikuti berbagai kursus.

Awang Ali Majid akan di-tempatkan di-bahagian Hiboran dan County, dan Awg Muhammad Noor Mohammad di-bahagian Ugama dan Dakwah. Kedua2-nya akan di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran Singapura.

Sementara itu, Dayang Jamilah Abdullah akan berkursus dalam bahagian Educational Broadcasting

Oleh
AISAH PIEE

(Radio) di-Asia Pacific Institute Broadcasting for Development, pada 25hb Ogos hingga 19hb September, 1980. Sa-belum ini Dayang Jamilah telah berkursus di-Penyiaran Perbadanan Singapura (SBC).

Awang Hashim Abd Rahman dan Awang Mai-di bin Hj Sulaiman, yang akan berkursus dalam bahagian Television Production akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada 29hb September, 1980.

Penghantaran bagi bulan Oktober akan di-sertai oleh Dy Helen Thu Moi Chin dan Dk Maskupah bte Pg Tajuddin. Dy Helen Thu Moi Chin akan mengambil kursus dalam bahagian Hal Ehwal Samasa Persembahan dan County, sementara Dk Maskupah Pg Tajuddin akan di-tempatkan di-bahagian Hiboran dan County. Mereka akan di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran Singapura.

Dalam bulan yang sama, dua orang lagi pegawai wanita-nya akan menghadiri seminar 'Women in Media' di-Kuala Lumpur. Mereka ia-lah Dy Hj Zainah Hj Salleh dan Dk Mariam Pg Metali. Kedua2-nya akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada 13hb Oktober, 1980.

Sementara itu, Awang Bahmin Hamdan dan Awg Malek Awg Tengah akan mengikuti kursus di-berbagai bidang penyiaran di-Perbadanan Penyiaran Singapura dalam bulan Nobember depan. Awang Bahmin Hamdan akan berkursus dalam bahagian Drama (Moden dan Purbawara) dan dalam bahagian Pentadbiran Radio Bahagian Melayu, sementara Awg Malek Awg Tengah di-tempatkan di-bahagian County, Persembahan dan Ulasan Selari Yunit Siaran Luar Radio.

Penghantaran bagi bulan Nobember itu juga akan di-sertai oleh Awg Zainal Tinggal dan Pg Shahbudin Pg Ahmad. Awang Zainal Tinggal, yang akan berkursus dalam bahagian Television News Presentation and Production akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada 3hb Nobember 1980, manakala Pg Shahbudin Pg Ahmad akan mengikuti kursus Planning for Educational Media pada 10hb Nobember hingga 5hb Disember di-tempat yang sama.

Dalam bulan Disember, tiga orang lagi pegawai

dan kakitangan Jabatan tersebut akan di-hantar ka-Singapura untuk mengikuti kursus. Mereka ia-lah Awg Abu Bakar @ Md Noor Yassin, yang akan mengikuti kursus dalam bahagian Pentadbiran Radio Bahagian Melayu serta Sokan dan Hiboran, Awang Zaini Mohd Yusof di-tempatkan di-bahagian Hiboran (Pop Musik, Orkestra dan lain2), dan Dy Vivianty Ali dari Perkhidmatan Inggeris di-tempatkan di-Semua Rancangan2 Bahagian Inggeris (Radio).

Sementara itu, sa-orang pegawai dari Jabatan tersebut, Pengiran Badarudin Pg Ghani akan menghadiri Seminar "Radio in the Eighties" di-Kuala Lumpur. Ia-nya akan bermula pada 8hb Disember hingga 19hb Disember.

Yang akan berkursus dalam bulan Januari, 1981 ia-lah Dy Saloma Mahmud dan Dy Zainab Md Taha. Dy Saloma Mahmud akan di-tempatkan di-bahagian Hal Ehwal Semasa Umom dan Pembacaan Berita (Radio), sementara Dy Zainab Md Taha di-tempatkan di-bahagian Hiboran.

SEDANG BERKURSUS

Pada masa ini, empat orang sedang berada di-Singapura dan Kuala Lumpur untuk menjalani berbagai kursus.

Awang Adanan Hj Hassan di-tempatkan di-Asia Pacific Institute Broadcasting for Development, Kuala Lumpur untuk mengikuti kursus Audience Research and Programme Evaluation.

Sementara Awg Abdullah Awg Damit, Awg Imran Mohd Yusof dan Dy Hajjah Abdullah di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran Singapura untuk berkursus di-berbagai bidang penyiaran.

Awang Abdullah Awg Damit di-tempatkan di-bahagian Drama (Moden dan Purbawara), Awg Imran Mohd Yusof dalam bahagian Ugama dan Dakwah, sementara Dy Hajjah Abdullah mengikuti kursus dalam bahagian Children's Programmes dan Light Entertainment.



Kadet PWES johan Kawat Sa-Negeri

BOLKIAH KEM.— Pasokan Kadet Sekolah Inggeris Perdana Wazir telah terpilih sa-bagai pasokan terbaik di-dalam pertandingan kawat tahunan di-antara pasokan2 kadet Askar Melayu Diraja Brunei sa-negeri yang berlangsung di-sini Rabu lepas.

Di-dalam bahagian daerah2, Sekolah Inggeris Berakas telah munchol sa-bagai pasokan terbaik bagi Daerah Brunei dan Muara, Sekolah Inggeris Perdana Wazir dari Kuala Belait selain daripada merebut gelaran terbaik keseluruhan telah munchol sa-bagai pasokan terbaik bagi Daerah Belait. Terbaik bagi Temburong pula ia-lah pasokan kadet dari Sekolah Melayu Sultan

Hassan dan bagi Daerah Tutong ia-lah gabungan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Negara Lt Kol (Bersara) Dato Paduka Mohd Ariffin bin Haji Abdul Wahab yang menjadi tetamu kehormat pertandingan itu, di-dalam ucapan beliau telah memuji kebolehan para ahli2 kadet yang turut bertanding di-dalam menunjukkan mutu kawat yang beliau anggap "tinggi".

Pehin Datu Indera Negara Lt Kol (Bersara) Dato Paduka Mohd Ariffin seterusnya menyatakan yang menampori lapangan kadet Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah merupakan satu aktiviti sukarela. "Kadepada penuntut2 yang memasuki lapangan ini janganlah mereka menganggap aktiviti sukarela ini sa-bagai satu jalan untuk menjauhi bangku sekolah," tambah beliau.

Yang Dimuliakan salanjut-nya menasehati para anggota kadet supaya menuntut pelajaran dengan sempurna dan menekankan perimustahak-nya mereka menghormati para guru di-mana2 saja mereka berada.

Pehin Datu Indera Negara Lt Kol (Bersara) Dato Paduka Mohd Ariffin di-samping menerima tabek hormat daripada tiap2 pasokan yang turut bertanding telah juga menyampaikan piala2 kemenangan kepada pasokan2 pemenang di-akhir upacara tersebut.

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad telah meng-hadiahkan sa-buah alat pembesar suara yang berharga kira2 \$2,000.00 kepada Balai Ibadat Kampong Setia di-Kampong Ayer.

Penyerahan pembesar suara tersebut telah di-lakukan oleh Awang Hussain bin Haji Mohammad, Pegawai Perhubungan Awam yang juga selaku wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali bin Ismail.

Upacara penyerahan alat pembesar suara itu telah di-langsungkan di-Balai Ibadat Kampong Setia di-bu negeri di-sini pada hari Khamis 10hb Julai yang lalu.

Gambar atas kelihatan YB Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali menerima alat pembesar suara dari Awang Hussain bin Haji Mohammad.

Lima orang lagi Pegawai AMDB naik pangkat

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** — Sa-ramai lima orang lagi Pegawai Askar Melayu Diraja Brunei telah di-naikkan pangkat.

Kaptan Sharbini bin Sunggoh dari Pusat Latihan, Bolkiah Kem telah di-tetapkan ka-Pangkat Major dan Leftenan Marzuki bin Haji Ahmad dari Markas Pasokan telah di-tetapkan ka-pangkat kaptan.

Kenaikan pangkat bagi kedua2 mereka itu bermula pada 1hb Julai, 1980.

Sementara tiga orang yang lain-nya, yang masing2 memegang jawatan sa-bagai Leftenan Muda sekarang di-tetapkan ka-pangkat Leftenan.

Mereka ia-lah Leftenan Muda Johar bin Haji Mohammad dari Chawangan Udara, Leftenan Muda Haji Said bin Haji Puteh dari Battalion Pertama dan Leftenan Muda Mohd Harris bin Aliamin dari Chawangan Udara.

Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula pada 23hb Jun, 1980.



YDM Pehin Datu Indera Negara Lt Kol Dato Paduka Mohd Ariffin menyampaikan perisai pusingan kepada ketua Pasokan Kadet Sekolah Inggeris Perdana Wazir yang telah memenangi sa-bagai pasokan terbaik tahun ini.



KAPTAN Jumat bin Zakaria (gambar atas) telah di-lantik sa-bagai Adjutan Pusat Latihan Askar Melayu Diraja Brunei mulai 11hb Julai yang lalu.

Kaptan Jumat yang sa-belum itu Ketua Platon Semboyan Battalion Kedua, menggantikan Kaptan Mahmud bin Haji Yaakub yang telah di-takar ka-Battalion Pertama.

SOKAN DAPAT MENAikkan IMEJ SA-SEBUAH NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar menegaskan bahawa arena sokan ada-lah merupakan salah satu cabang kemajuan pada menaik dan mengharumkan imej nama sa-sebuah negara di-dunia antarabangsa di-samping kemajuan2 yang lain.

Di-mana kata-nya, melalui sokan, seluruh manusia di-dunia akan dapat menyebut dan mengingat nama sa-buah negara yang memenangi apa2 jenis sokan dan olahraga yang di-pertandingan terutama sekali di-peringkat antarabangsa.

Dato Paduka Hj Abdullah menegaskan demikian ketika berucap sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 di-pertandingan akhir kejohanan bolatampar perengkat sa-negeri anjoran Persatuan Bolatampar Kebangsaan Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 6hb Julai yang lalu.

Untuk itu, Dato Paduka Haji Abdullah berharap supaya pertandingan pada malam itu akan dapat mengeluarkan pemain2 yang berkualiti dan mempunyai potensi yang tinggi dan bermutu yang mana pada satu masa nanti akan dapat meningkatkan nama baik Brunei yang sama2 kita chintai ini di-dunia antarabangsa khas-nya di-bidang sokan dan olahraga.

Akan tetapi kata-nya lagi, perlu di-ingat bahawa untuk menjadi sa-orang ahli sokan yang baik dan berpotensi itu kita sa-mesti-nya mempunyai peribadi yang baik dan otak yang sehat di-samping mempunyai semangat yang inginkan kejayaan.

KEMUDAHAN2

Menyentuh mengenai dengan sokan di-negeri Brunei ini, Dato Paduka Haji Abdullah menjelaskan bahawa perkembangan dan kemajuan sokan sangat-lah menggalakkan di-mana kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sentiasa memberikan kemudahan2 dengan mendirikan stadium2, gelanggang2 sokan, padang2 permainan dan lain2 lagi kemudahan2 sokan baik di-sekolah2, maktab2 mahupun jabatan2 kerajaan.

"Oleh yang demikian hanya terpuang-lah kepada olahragawan2 kita untuk memenangi selera mereka masing2 dengan apa juga jenis sokan yang mereka kehendaki, kerana kebanyakan jenis2 sokan di-negara kita pada masa ini juga mempunyai persatuan2 atau badan2-nya masing2

yang mentadbirkan sokan2 tersebut", ujar beliau dengan penuh harapan.

Terdahulu dalam ucapan-nya Dato Haji Abdullah berharap kepada Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei supaya inisiatif dan daya usaha pada menganjurkan kejohanan itu akan dapat di-teruskan dan di-majukan lagi di-masa2 akan datang terutama sekali dalam sokan bolatampar.

Di-mana kata-nya, permainan seperti bolatampar belum begitu popular dan hangat jika di-bandingkan dengan sokan2 lain seperti bolasepak, sepak takraw dan sa-bagai-nya.

Walau bagaimana pun kata-nya lagi, PBTKNB telah pun dapat meningkatkan mutu permainan sokan tersebut jika di-lihat dengan sambutan pasokan2 yang mengambil bahagian yang mana ia-nya telah bertambah jika di-bandingkan dengan tahun lepas dari 12 buah pasokan kepada 25 buah pasokan termasuk tiga buah pasokan perempuan.

TUJUAN

Dalam ucapan alu2an-nya, Yang Dipertua PBTKNB, Awang Wahabi bin Metussin menjelaskan bahawa tujuan di-adakan kejohanan itu ialah semata-mata pada meningkatkan mutu permainan bolatampar di-negeri ini di-samping untuk memperbaiki teknik2 dan undang2 permainan melalui bidang praktikal dan teori.

Beliau juga menjelaskan bahawa dengan ada-nya perlawanan sa-umpama itu ia-nya di-harapkan akan dapat meningkatkan pemain2 yang berpotensi yang bakal di-pilih untuk menjadi pemain2 kebangsaan untuk menyertai sa-barang pertandingan bolatampar antarabangsa di-luar negeri.

Untuk itu juga beliau telah menyeru kepada pemain2 bolatampar tempatan supaya akan lebih bersedia berusaha pada meningkatkan lagi mutu dan skill permainan bolatampar di-negara kita ini.

Sokan tahunan anak2 PDB

KUALA BELAIT. — Temasha sokan tahunan bagi anak2 anggota Pasokan Pulis Diraja Daerah Kuala Belait telah di-langsungkan di-Padang Pasokan Simpanan 'A' Kompeni, Panaga Seria di-sini pada hari Ahad 13hb Julai minggu lalu.

Temasha sokan tahunan tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, Dato Setia Yaakob bin Pehin Orang Kaya Maharaja Dato Paduka Haji Zainal.

Kira2 100 orang kanak2 telah mengambil bahagian dalam 23 acara yang di-pertandingkan dalam temasha sokan itu. Dan antara acara yang di-jalankan pada hari itu termasuklah membaling bola hoki, lompat ketinting dan kanggaro serta lomba lari berganti-ganti 4X50 meter lelaki dan perempuan.



PEGAWAI Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah menyampaikan Oskar Kejohanan kepada pasokan Majlis Sokan Pulis Diraja (kiri) dan pasokan Kelab Ria Seria.



MSPDB juara bolatampar sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Sokan Pulis Diraja Brunei dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara bolatampar terbuka sa-negeri.

Dalam perlawanan perengkat akhir yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 6hb Julai yang lalu pasokan MSPDB telah berjaya menewaskan pasokan Pengawal Keselamatan Gurkha dengan tiga permainan berbalas dua ia-itu dengan kiraan mata 15-11, 15-11, 15-10, 14-6, dan 14-16.

Tempat ketiga pula telah di-menangi oleh pasokan Yong Tze Kiok sa-telah berjaya mengalahkan Pasokan Kelab Melayu Seria.

Sementara dalam bahagian perempuan pula, Kelab Ria Seria dari Daerah Belait telah munchol sa-bagai johan sa-telah menewaskan Pasokan Majlis Sokan Pulis Diraja Brunei dari Daerah Brunei dan Muara dengan dua per-

mainan tidak berbalas ia-itu dengan kiraan mata 15-10 dan 15-10. Dan pemenang ketiga ia-lah Sekolah Saint Margaret's juga dari Daerah Belait.

Perlawanan kali kedua yang di-anjarkan oleh Persatuan Bolatampar Kebangsaan yang mengan-dongi 25 buah termasuk tiga pasokan bahagian perempuan.

Perlawanan tersebut telah di-mulakan sejak bulan Jun dan telah di-rasmikan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Berudin

pada 21hb Jun yang lalu.

Hadiah2 kepada pemenang2 di-akhir pertandingan telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar.

SMMSH juara sepak takraw antara pasokan kadet AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Kadet Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong telah munchol

sa-bagai johan dalam pertandingan sepak takraw perengkat akhir antara pasokan kadet Askar Melayu Diraja Brunei di-seluruh negeri yang telah di-langsungkan di-Dewan Gerak Badan, Pusat Latihan Perkhemahan Bolikiah di-sini pada hari Jumaat 4hb Julai yang lepas.

Dalam perlawanan akhir itu pasokan Kadet SMMSH telah berjaya mengalahkan Pasokan Kadet Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan dua perlawanan tidak berbalas ia-itu dengan kiraan mata 15-0 dan 15-2.

Perlawanan kali pertama yang di-anjarkan oleh Pasokan Kadet Askar Melayu Diraja Brunei, Pusat Latihan Perkhemahan Bolikiah itu telah di-sertai oleh 10 buah pasokan kadet AMDB di-seluruh negeri.

Pasokan2 kadet yang mengambil bahagian itu terdiri dari Pasokan Kadet Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Inggeris Berakas, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains dan Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Maktab Anthony Abell dan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan.

Perlawanan tersebut telah di-jalankan sejak bulan Mach lalu dan ia-nya di-pertandingkan sa-chara pukul mati.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Bendahara Kapten Sahari bin Ahmad, Pegawai Pemerintah Brunei Kadet.

Turut hadir menyaksikan perlawanan itu termasuklah pegawai2 kadet AMDB, pegawai2 dari Pusat Latihan Perkhemahan Bolikiah.



YDM Pehin Datu Bendahara Kapten Sahari menyampaikan hadiah kepada Ketua Pasokan SMMSH, juara sepak takraw antara kadet2 AMDB (atas). Bergambar ramai beserta hadiah2 di-akhir upacara penyampaian hadiah (bawah).





Permintaan Anak2 Yatim

Permintaan Anak2 Yatim yang di-siarkan oleh Baha pada 13hb Julai, 1980.

Penderma	Nama	Penderma
	11. Zaiton A. Razak	\$ 5.00
	12. Norrafidah Haji Mahari	\$ 5.00
\$5.00	13. Musra M.	\$ 4.00
\$10.00	14. Dk Habsah Pg Suhaili	\$ 4.00
\$5.00	15. Alimah Othman	\$ 2.00
\$5.00	16. Rohaya Jai	\$ 2.00
\$5.00	17. Shari Gharib	\$ 2.00
\$5.00	18. Halus Omar	\$ 2.00
\$5.00	19. Mariati Mahmud	\$ 2.00
\$5.00	20. Sofpiah Said	\$ 1.00
\$5.00	21. Insan Biasa	\$ 1.00
\$5.00	22. Sidua Naweti	\$ 1.00
\$5.00	23. S. Jariah Phasa	\$ 1.00
\$5.00	24. Hazmi Abdul Rahim	\$ 1.00

Permintaan di-siarkan di-keluaran Pelita Brunei akan datang.

PERMINTAAN DERMA ANAK2 YATIM

T.T. Pemohon

Anak2 Yatim,

salah satu di-siarkan Melayu pegawai2 tidak di-siarkan dan akan di-siarkan pada

(ini) Md yang meng-kan orang MIA. Dk. dan sebelum di-siarkan dalam

gambar Sekolah dan sedang di-siarkan akan di-siarkan dari



Mukim Saba dalam Dokumentari tempatan minggu ini

MUKIM Saba mengandungi lima buah kampung, tiap2 kampung mempunyai sa-orang ketua. Di-atas jawatan Ketua Kampung ia-lah sa-orang Penghulu Mukim ia-itu Awang Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah.

Mukim Saba mempunyai keramaian penduduk samai 3,360 orang dengan 358 buah rumah.

Di-antara kegiatan anak2 kampung ini sa-lain dari nelayan dan bertukang kayu, terdapat juga satu kumpulan kaum wanita yang membawa dagangan dengan perahu berkayoh yang di-kenali sa-bagai 'Padian'.

'Padian' ia-lah satu chara perniagaan orang2 Melayu Brunei yang tertua sekali sejak dari abad ke-15 lagi. Kumpulan ini amat sedikit bilangannya sekarang di-sebabkan persaingan hebat—satu chara perniagaan runchit terdapat di-rumah2.

Untuk melindungi keselamatan penduduk2 di-Kampung Ayer, sa-buah Balai Polis telah di-dirikan yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk2 di-sekitarnya.

Sa-buah filem dokumentar RTB akan menggambarkan sa-bahagian dari kegiatan2 kehidupan di-Mukim Saba. Ranchangan ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa, 29hb Julai, 1980 pada jam 8.30 malam.

RANCHANGAN TVP

DARI 28HB JULAI HINGGA 2HB OGOS

ISNIN — 28HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 136
